

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

JANUDIN BIN SARDI @ HJ. MOHD YUSOP

KETUA UNIT KUALITI :

SARINAH BT SHARIF

PENYELARAS :

SALIZA BINTI ISMAIL

PENULIS :

1. SALIZA BINTI ISMAIL
2. SALIZA BINTI ISMAIL
3. LEE AI CHAT
4. SRI QAMARIAH BINTI MOHD SAMSIR
5. SITI SARAH BINTI ROSELAN
6. NEO YEE FENG
7. SITI SALEHA BINTI SANUSI

8. SHABINA KUMARI A/P SUBRAMANIAM
9. NURUL HIDAYU BINTI SHAFIE
10. MIDYANA BT MOHAMAD
11. HASLINA BINTI DAUD
12. NADIA BINTI ANUAR
13. AHMAD ASNAWI BIN ZAMRI
14. SITI SYAIRAH BINTI FAKHRUDDIN
15. AFINA NAZIRA BINTI AFNIZUL
16. MUHAMMAD SYAFFIQ BIN MOHAMMED RAFFI
17. FARIZ AZZUAN BIN AMAT SUPARIA
18. NUR HIDAYAH BINTI YAHAYA
19. NURUL SYAFIEQAH BINTI JAAFAR
20. SARINAH BT SHARIF
21. SARINAH BT SHARIF
22. AMIRAH BINTI AHMAD
23. TENGKU AZEEZEEN BT TENGKU SHAMSUDDEEN
24. NORITA BINTI HARIJAMAN
25. ZULAIKHA BINTI KHAIRUDDIN
26. NURHILLENY BINTI ROSLY

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan APB TELAH merangka beberapa **PERANCANGAN** berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dengan memformulasikan Perancangan Strategik (PS) yang dibangunkan berdasarkan sasaran Petunjuk Prestasi (PI) dan didokumentasikan dalam dokumen Perancangan strategik APB. Perancangan ini dirangka bagi mencapai aspirasi UiTM untuk menjadi 'Universiti Terkemuka Dunia' menjelang 2025 serta memenuhi hasrat negara mencapai objektif 'Wawasan Kemakmuran Bersama 2023'. Garis panduan yang diguna pakai dalam merangka Perancangan Strategik adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan kebangsaan, *Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025*, Rancangan Malaysia ke-12 (2021 - 2025), Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), Pelan Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal pelajar 2020-2025 dan Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar Universiti Teknologi MARA.

Hasil daripada perancangan tersebut, Pengurusan Kanan APB telah **MELAKSANAKAN** aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan menetapkan tiga (3) PS utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi Bidang Tumpuan (BT) iaitu i) Akademik dan Pengantarabangsaan (Hasil Pelaksanaan Strategi), ii) Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar (Hasil Tumpuan Sumber Manusia) dan iii) Tanggungjawab Sosial dan Komuniti (Hasil Operasi). Aktiviti-aktiviti yang terkait dengan BT antaranya ialah Modern Language Olympiad (MLO 2.0), Masterful Minds: A Career In Copywriting 2023, Festival Altruisme APB 3.0 dan banyak lagi. Aktiviti-aktiviti tersebut bertujuan untuk memperkasa para pelajar. Penetapan PS HEP APB dibuat melalui Sesi Townhall dan disebar luas di laman sesawang rasmi APB, hebahan melalui kumpulan *WhatsApp* warga APB serta dimuat naik di media sosial rasmi APB.

Pengurusan Kanan APB TELAH mengambil pendekatan menyeluruh dengan melaksanakan **PEMANTAUAN** secara berkala terhadap PS yang telah dirangka dan dirancang. Langkah ini melibatkan pelaporan daripada Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Penyelaras HEP yang telah dilantik. Pengurusan Kanan APB turut berkongsi maklumat mengenai pencapaian PI APB kepada staf yang terlibat dalam bengkel Perancangan Strategik 2023. Pemantauan turut dibuat terhadap kertas kerja program dan kertas kerja aktiviti BT sehinggalah kepada pelaporan akhir laporan pascanilai (post-mortem) BT. Selain itu, pemantauan pengurusan dan pembangunan pelajar juga dilaksanakan melalui Mesyuarat Pengurusan secara berkala bagi memantau perkembangan pengurusan dan pembangunan pelajar di APB. Segala perkara berbangkit yang memerlukan tindakan segera akan dibincangkan dan diminitkan. Pemantauan juga dibuat melalui Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti bagi memastikan setiap perancangan program dan aktiviti dapat dijalankan dengan kos yang telah dipersetujui. Pada masa yang sama, semua program dan aktiviti pelajar yang telah dijalankan turut diterbitkan dalam Buletin APB. Penerbitan **Buletin APB** iaitu **Lingua Phoria** menjadi kaedah yang ampuh dalam aktiviti pemantauan oleh Pengurusan Kanan APB.

Langkah **PENAMBAHBAIKAN** TELAH dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan APB berdasarkan hasil analisis maklumat pemantauan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan APB dan diperincikan dalam Bengkel Perancangan Strategik 2023. Pasukan Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengambil langkah penambahbaikan berdasarkan perbincangan bersama Pengurusan Kanan APB seterusnya membina strategi bagi mencapai objektif dan inisiatif APB. Semakan berkala terhadap objektif dan inisiatif HEP adalah bertujuan agar setiap PS dapat disemak dan ditambah baik selaras dengan hala tuju universiti. Penambahbaikan yang berterusan ini adalah bagi memastikan setiap objektif dan inisiatif atau PS yang telah disasarkan tercapai, diimplementasi dan direalisasikan dengan berkesan. Selain itu, bengkel khas bersama pelajar APB juga dibuat bagi memastikan setiap pelajar yang terlibat memahami dengan jelas aspirasi APB dan universiti.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan APB TELAH mengamalkan kaedah yang berikut untuk menggerakkan bidang tumpuan yang dipilih.

Perancangan yang sistematik telah dibuat oleh pihak pengurusan pada setiap tahun bagi memastikan pembangunan pelajar yang efektif dan cemerlang. Sebelum perancangan dibuat, Pengurusan Kanan terlebih dahulu merujuk dan mengambil kira hala tuju dan garis panduan yang telah ditetapkan di peringkat kebangsaan, kementerian dan global. Ini adalah untuk memastikan hala tuju APB sejajar dengan hala tuju kebangsaan iaitu **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** dan **Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025**, hala tuju kementerian iaitu **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025** atau **Malaysian Education Blueprint 2013-2025** dan juga hala tuju pendidikan di peringkat global iaitu **Sustainable Development Goals (SDG)** yang memfokuskan kepada **SDG 4 - Quality Education** (Bukti 1.2a).

Setelah merujuk hala tuju dan garis panduan di atas, Pengurusan Kanan APB juga menjadikan **Pelan Perancangan Strategik Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM 2020 - 2025** (Bukti 1.2b) sebagai rujukan utama bagi merancang pembangunan pelajar pada setiap tahun. Berdasarkan kepada pelan HEP UiTM ini, Pengurusan Kanan APB memfokuskan usaha ke arah pembangunan dan kepimpinan pelajar dari segi kepimpinan, sukan, kebudayaan, keusahawanan, mobiliti dan jaringan global serta kesukarelawanan dan kemanusiaan. Aspek-aspek ini membantu Pengurusan Kanan untuk membuat perancangan yang lebih sistematik dan terarah bagi mencapai objektif pembangunan pelajar. Selain itu, Pengurusan Kanan juga menggunakan **Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar UiTM** (Bukti 1.2b) sebagai salah satu rujukan dalam membuat perancangan. Ini adalah untuk memastikan setiap perancangan yang dibuat tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh UiTM.

Berdasarkan kepada hala tuju dan garis panduan di atas, Pengurusan Kanan APB telah melaksanakan satu **Bengkel Khas Perancangan Strategik 2023** (Bukti 1.2c) yang melibatkan Pengurusan Kanan dan staf APB bagi merencanakan perancangan APB bagi tahun 2023. Bengkel ini diadakan untuk membuat perbincangan serta berkongsi idea dan pendapat dalam merangka perancangan. Menerusi bengkel ini, Pengurusan Kanan APB telah berkongsi maklumat mengenai **Indeks Pencapaian** atau **Performance Index (PI)** oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) UiTM (Bukti 1.2d) kepada staf yang terlibat. PI oleh BTU UiTM ini **menjadi dasar penilaian** yang digunakan oleh APB untuk menilai prestasi APB pada setiap tahun. Justeru, perbincangan Bengkel Perancangan Strategik ini menjurus kepada perancangan yang boleh dibuat bagi memantapkan pembangunan pelajar-pelajar APB dalam aspek **Akademik dan Pengantarabangsaan, Kesejahteraan dan Kebajikan dan Tanggungjawab Sosial dan Komuniti**.

Menerusi bengkel Perancangan Strategik APB ini, Pengurusan Kanan APB bersama staf telah berjaya **melahirkan pelan-pelan inovasi** yang akan membantu APB membangunkan pelajar dengan berkesan. Sebagai contoh, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menghasilkan **11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan HEP APB** (Bukti 1.2e). Pelan-pelan yang dihasilkan ini merupakan penambahbaikan bagi tahun 2023 daripada tahun sebelumnya. Dengan adanya pelan-pelan ini, Pengurusan Kanan dan staf APB dapat menjalankan program-program khusus yang akan membawa kepada pembangunan pelajar APB dalam tiga aspek yang dinyatakan di atas.

Kesimpulannya, Pengurusan Kanan APB telah membuat pendekatan melalui **perancangan yang lebih khusus dan sistematik** bagi tahun 2023 dengan menggunakan **Indeks Pencapaian BTU UiTM sebagai dasar penilaian**, sekali gus menjadi **penambahbaikan APB**. Melalui pendekatan ini, **Pelan-Pelan Inovasi** telah terhasil bagi membantu APB memantapkan pembangunan pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_K01_KB02_20241_APB_1.2a_kepimpinan.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB02_20242_APB_1.2b_kepimpinan.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB02_20243_APB_1.2c_kepimpinan.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB02_20244_APB_1.2d_kepimpinan.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB02_20245_APB_1.2e_kepimpinan.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Khidmat kepimpinan yang efektif adalah tulang belakang Pengurusan Kanan untuk merealisasikan segala matlamat dan strategi-strategi yang dirancang untuk tujuan pengurusan dan pembangunan pelajar.

Amanat Naib Canselor berfungsi sebagai inspirasi untuk staf dan pelajar (Bukti 1.3a). 'Kebolehpasaran Global' adalah fokus Amanat Naib Canselor tahun 2023. NC telah berkongsi maklumat mengenai *UiTM International Scorecard* sebagai system pengukuran impak untuk memantau setiap pencapaian aktiviti pengantarabangsaan. Beliau memaklumkan bahawa ini adalah langkah *Vice Cancellor's Office Special Project (VCOSP)* untuk mengukur pencapaian dan keberkesanan aktiviti di tahap global bagi semua PTJ. Beliau juga menekankan kejayaan membina hubungan antarabangsa dengan 25 buah negara yang melibatkan 57 projek pengantarabangsaan. Oleh hal yang demikian, adalah jelas melalui amanat NC mengenai Indeks Pencapaian yang perlu dicapai oleh APB. Ini membantu memastikan Pengurusan Kanan APB bekerja ke arah matlamat yang sama dalam pengurusan dan pembangunan pelajar.

Khidmat kepimpinan bergantung kepada keberkesanan pemimpin utama dan pasukannya dalam pelaksanaan segala tugas untuk mencapai matlamat bersama. Untuk APB, Pengurusan Kanan telah melaksanakan pelan-pelan tindakan berkaitan BT melalui jawatankuasa **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)** (Bukti 1.3b). Sepanjang tahun 2023, Pengurusan Kanan APB berjaya menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran dan pengalaman. Antara program-program kepimpinan yang berjaya dilaksanakan melalui BHEP APB adalah APB-Siswa Globali, APB-Siswadiwara, APB-Bakat Siswa, APB-Siswa E-Sukan, APB-Siswa SUKMA, APB-Siswa Wijaya, APB-Siswa BIZ, APB-Siswa Bakti dan APB-Siswa Lokaliti. Program-program ini telah menjayakan aspirasi APB dari segi pembangunan pelajar. Ini kerana peluang yang diwujudkan membantu mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang meningkatkan keyakinan diri dan menyediakan mereka ke arah kerjaya masa hadapan.

Sesi Townhall adalah satu medium penting untuk Pengurusan Kanan APB berinteraksi dengan staf secara langsung. Sesi ini bukan sahaja memberi peluang untuk pertukaran idea atau pandangan tetapi juga untuk mempercepatkan proses penyelesaian masalah kerana boleh dibincang dan diatasi dengan segera. Bagi kepimpinan APB, **Townhall bersama Dekan** diberi keutamaan setiap tahun. Pada tahun 2023, **Townhall telah dilaksanakan pada 25 Ogos (Jumaat) di Auditorium APB** (Bukti 1.3c). Dalam sesi ini, Dekan telah berkongsi perkembangan terkini, dasar baharu dan perubahan dalam fakulti. Beliau juga menitikberatkan tanggungjawab bersama semua pihak. Impak Townhall adalah kejayaan Pengurusan Kanan APB kerana staf menghargai keterbukaan dan ketelusan organisasi. Penglibatan staf membolehkan mereka memahami rasional tindakan yang diambil oleh pengurusan.

Selain itu, kepimpinan APB juga terserlah melalui **Mesyuarat Akademik Staf** yang diadakan bersama Pengurusan Kanan dan staf. Pada tahun 2023, mesyuarat staf akademik APB telah diadakan pada 15 Mac (Rabu) (Bukti 1.3d). Mesyuarat akademik mendorong kerjasama antara Pengurusan Kanan dan staf akademik APB memantau dan menilai pencapaian akademik secara berterusan. Pada masa yang sama, Pengurusan Kanan juga menyampaikan pelan-pelan yang dirancang pada staf dengan jelas untuk pelaksanaan dan pencapaian objektif-objektif tersebut. Kepimpinan APB jelas terlihat dari segi pelaksanaan mesyuarat akademik kerana staf akademik turut mendapat peluang untuk berkongsi pandangan dan meningkatkan kepuasan kerja mereka dalam organisasi.

Pelaksanaan Perancangan Strategik APB juga telah dijalankan melalui perjumpaan Pengurusan Kanan APB bersama para pelajar APB, iaitu **Program Destini Siswa** (Bukti 1.3e). Program ini membantu Pengurusan Kanan APB untuk menyampaikan dan menjelaskan kepada pelajar perkara-perkara penting yang perlu mereka ketahui sebagai pelajar APB UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB03_20241_APB_1.3a_perluasan.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB03_20242_APB_1.3b_perluasan.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB03_20243_APB_1.3c_perluasan.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB03_20244_APB_1.3d_perluasan.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB03_20245_APB_1.3e_perluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi tujuan **pemantauan**, Pengurusan Kanan APB TELAH melaksanakan beberapa kaedah untuk memastikan Perancangan Strategik APB 2023 dijalankan dengan berkesan dan bermakna.

Pertama sekali, Pengurusan Kanan APB telah **berkongsi maklumat mengenai pencapaian PI APB** (Bukti 1.4.1a) kepada staf yang terlibat dalam bengkel Perancangan Strategik 2023. Perkongsian maklumat ini diberikan supaya semua pihak peka dengan pencapaian APB dari semasa ke semasa, seterusnya membuat pelan bagi menambah baik pencapaian APB.

Seterusnya, pihak pengurusan APB juga menjalankan **Mesyuarat Pengurusan secara berkala** bagi memantau perkembangan pengurusan dan pembangunan pelajar di APB. Menerusi mesyuarat ini, Pengurusan Kanan membincangkan perkara-perkara berbangkit yang perlu diselesaikan. Segala perbincangan dan penyelesaian yang telah diutarakan dalam mesyuarat ini diminitkan (Bukti 1.4.1b) supaya pemantauan boleh dijalankan oleh pihak Pengurusan Kanan.

Selain itu, pemantauan pengurusan dan pembangunan pelajar juga dilaksanakan melalui **Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti secara berkala**. Melalui mesyuarat ini, Pengurusan Kanan APB membincangkan segala kertas kerja program dan aktiviti yang telah dicadangkan oleh staf APB untuk dilaksanakan. Perbincangan kertas kerja program dan aktiviti ini membantu Pengurusan Kanan untuk memantau sama ada pelaksanaan Perancangan Strategik APB 2023 berjalan dengan sejajar atau tidak. Segala perbincangan dalam mesyuarat ini juga telah diminitkan (Bukti 1.4.1c) bagi tujuan tindakan yang perlu dilakukan secepat selepas mesyuarat dijalankan.

Berdasarkan pemantauan yang telah dijalankan, Pengurusan Kanan APB telah **menganalisis** segala program dan aktiviti pengurusan dan pembangunan pelajar **melalui laporan-laporan program** (Bukti 1.4.1d). Laporan-laporan yang disediakan oleh pihak yang terlibat mengandungi **perincian laporan pascanilai (post-mortem)** yang memberi input berguna kepada Pengurusan Kanan APB. Melalui laporan pascanilai ini, Pengurusan Kanan mampu mengambil langkah yang dapat menambah baik program-program yang akan dijalankan pada masa hadapan. Laporan-laporan ini disimpan oleh setiap Bahagian Pengurusan Kanan secara sistematik supaya dapat menjadi bahan rujukan untuk program akan datang.

Bermula tahun 2023, Pengurusan Kanan telah mengarahkan supaya segala program dan aktiviti yang telah dijalankan di APB untuk direkodkan dalam buletin. **Buletin APB** iaitu **Lingua Phoria** (Bukti 1.4.1e) adalah satu **penambahbaikan pemantauan** yang diadakan oleh Pengurusan Kanan APB untuk menyerlahkan segala usaha dan pencapaian seluruh warga APB pada setiap tahun.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_K01_KB04_KC01_20241_APB_1.4.1a_pemantauan.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB04_KC01_20242_APB_1.4.1b_pemantauan.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB04_KC01_20243_APB_1.4.1c_pemantauan.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB04_KC01_20244_APB_1.4.1d_pemantauan.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB04_KC01_20245_APB_1.4.1e_pemantauan.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan APB telah **mengenal pasti risiko-risiko** yang berkemungkinan berlaku ketika bengkel Perancangan Strategik 2023 dijalankan (Bukti 1.4.2a). Ketika bengkel ini berlangsung, segala risiko yang mungkin berlaku telah dibincangkan dan **dinilai dengan teliti** oleh pihak pengurusan dan staf terlibat. Dalam bengkel ini juga, pihak pengurusan telah mengenal pasti risiko dari aspek Akademik dan Pengantarabangsaan, Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar serta Tanggungjawab Sosial dan Komuniti. **Risiko-risiko ini telah dianalisis dengan menyeluruh** oleh Pengurusan Kanan APB dan staf bertanggungjawab, dan mereka telah mencatatkan hasil penilaian dan analisis ini dalam satu pelan yang menyeluruh. Berdasarkan perbincangan yang dibuat, risiko-risiko ini kemudiannya **didaftarkan dalam sistem eRMS**, iaitu **Daftar Risiko APB** (Bukti 1.4.2b). Selain itu, seorang Pengerusi Unit Pengurusan Risiko juga telah dilantik (Bukti 1.4.2c).

Memandangkan risiko-risiko ini telah dibincangkan dalam Perancangan Strategik APB, pihak pengurusan telah **mengambil langkah-langkah pencegahan**. Sebagai contoh, untuk risiko pelajar tidak berpuas hati dengan fasiliti fakulti, pihak pengurusan telah membuat kutipan dana dalam kalangan staf APB bagi memastikan para pelajar APB dapat belajar dalam suasana yang kondusif dan selesa. Langkah ini dinamakan sebagai **Projek Wakaf APB** (Bukti 1.4.2d) dan telah pun dijalankan dan membuahkan hasil yang memberangsangkan. Melalui langkah ini, risiko pelajar tidak berpuas hati dengan fasiliti dapat dicegah.

Seterusnya, **langkah penambahbaikan juga telah diambil** oleh Pengurusan Kanan APB bagi mengatasi risiko-risiko yang telah dikenal pasti. Langkah-langkah penambahbaikan ini telah **disenaraikan dengan terperinci** dalam **Perancangan Strategik APB 2023** dan juga dalam **Daftar Risiko** yang telah didaftarkan. Langkah-langkah ini kemudiannya diberitahu kepada staf yang bertanggungjawab untuk dilaksanakan. Sebagai contoh, bagi mengelakkan risiko pelajar mengambil masa terlalu lama untuk menamatkan pengajian, pengurusan kanan APB telah mengarahkan supaya bengkel-bengkel yang berkaitan dibuat untuk pelajar (Bukti 1.4.2e) bagi membantu mereka. Menerusi langkah penambahbaikan seperti ini, APB dapat meningkatkan motivasi para pelajar untuk menamatkan pengajian mereka dalam masa yang ditetapkan dengan cemerlang.

Kesimpulannya, Pengurusan Kanan APB telah **mendaftar, menilai, dan menganalisis risiko-risiko** yang mungkin berlaku di APB pada setiap tahun yang juga direkodkan dalam **Daftar Risiko** dan **Perancangan Strategik APB 2023**. Berdasarkan tindakan ini, Pengurusan Kanan APB juga telah **membuat langkah pencegahan dan penambahbaikan yang sewajarnya** bagi menjamin pengurusan dan pembangunan pelajar yang cemerlang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB04_KC02_20241_APB_1.4.1a_kenal_pasti_risiko.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB04_KC02_20242_APB_1.4.1b_kenal_pasti_risiko.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB04_KC02_20243_APB_1.4.1c_kenal_pasti_risiko.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB04_KC02_20244_APB_1.4.1d_kenal_pasti_risiko.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB04_KC02_20245_APB_1.4.1e_kenal_pasti_risiko.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi membuat penambahbaikan terhadap pengurusan dan pembangunan pelajar pada tahun 2023, Pengurusan Kanan APB telah **mengumpul maklumat** tahun sebelumnya dan **menganalisis maklumat-maklumat** berkaitan (contohnya pencapaian PI APB) dalam **Bengkel Khas Perancangan Strategik APB**. Segala hasil dan analisis yang dilakukan telah dicatat dan direkodkan dalam Perancangan Strategik APB 2023 (Bukti 1.4.3a). Perancangan ini kemudiannya dikongsi kepada staf yang bertanggungjawab supaya rujukan boleh dilakukan oleh semua pihak dari semasa ke semasa dan memastikan pencapaian APB adalah selari dengan perancangan yang telah dilakukan oleh pihak pengurusan.

Melalui hasil analisis maklumat yang telah dijalankan, Pengurusan Kanan APB telah berjaya menghasilkan satu inisiatif yang dapat memantapkan lagi pengurusan dan pembangunan pelajar di APB. **Inisiatif** ini yang dinamakan sebagai **11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan HEP APB** (Bukti 1.4.3b) menjadi rujukan utama warga APB untuk menjalankan program dan mencapai PI yang telah ditetapkan dengan **efisien dan efektif**. Dengan adanya inisiatif ini, segala usaha dan titik peluh warga APB dalam melaksanakan program akan selari dengan Perancangan Strategik APB dan juga Pelan Perancangan Strategik HEP UiTM.

Bagi memastikan semua pihak terutamanya pelajar APB memahami objektif dan aspirasi yang ingin dicapai APB, Pengurusan Kanan APB telah melaksanakan satu **bengkel khas bersama pelajar APB** yang dinamakan sebagai **Bengkel Perancangan Strategik Aktiviti pelajar 2023** dan **Kursus Pengurusan Organisasi APB** (Bukti 1.4.3c) yang bertempat di Institut Kepemimpinan dan Pembangunan (ILD) Perak. Bengkel ini merupakan **satu penambahbaikan yang telah dijalankan** oleh Pengurusan Kanan APB yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai perancangan APB. Dengan adanya pendedahan ini, para pelajar dapat merencanakan program bermanfaat yang selari dengan Perancangan Strategik APB 2023. Berdasarkan bengkel yang diadakan bersama pelajar ini, Pengurusan Kanan APB telah berjaya menghasilkan satu senarai **PI dan Program/Projek 2023** (Bukti 1.4.3d).

Melalui tindakan hasil analisis yang dijalankan di peringkat pentadbiran dan peringkat pelajar, Pengurusan Kanan telah mengumpul segala data dan maklumat berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar bagi tujuan analisis pencapaian. **Hasil analisis pencapaian ini kemudiannya dikongsi** oleh Pengurusan Kanan APB kepada warga APB menerusi sesi **Townhall bersama Dekan**. Pencapaian APB telah dibentangkan (Bukti 1.4.3e) kepada warga APB supaya seluruh warga dapat mengetahui tahap pencapaian APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB04_KC03_20241_APB_1.4.3a_kaji semula.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB04_KC03_20242_APB_1.4.3B_kaji semula.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB04_KC03_20243_APB_1.4.3c_kaji semula.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB04_KC03_20244_APB_1.4.3d_kaji semula.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB04_KC03_20245_APB_1.4.3e_kaji semula.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan APB berjaya membudayakan matlamat dan inisiatif melalui hebahan yang berkesan kepada semua warga APB melalui sosial media. Antara medium yang digunakan untuk hebahan maklumat adalah **Instagram, Facebook dan WhatsApp. Dengan wujudnya APB SOSIAL RASMI (WhatsApp), apbrasmi (Instagram) dan APB HEP (Facebook), Pengurusan Kanan APB dengan mudah menyebarkan mesej untuk penyertaan dan sokongan daripada warga APB** (Bukti 1.5.1). Penghantaran mesej sama ada untuk memaklumkan program-program yang akan berlangsung atau perkongsian gambar-gambar program yang telah dilaksanakan memudahkan warga APB sama ada staf atau para pelajar untuk mengikuti perkembangan semasa di APB. **Ini membuktikan kesungguhan Pengurusan Kanan APB dalam menggalakkan keterlibatan semua warga APB dalam aktiviti- aktiviti APB.**

Tambahan pula, buletin APB dalam laman sesawang yang dikenali sebagai **Lingua Phoria** memainkan peranan penting bagi membuktikan kecemerlangan Pengurusan Kanan APB dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan BT (Bukti 1.5.2a). **Lingua Phoria keluaran pertama, kedua dan ketiga telah berjaya dimuat naik dalam laman sesawang APB pada tahun 2023.** Kandungan buletin mengutamakan penyampaian maklumat dan peningkatan imej organisasi bukan sahaja pada warga UiTM tetapi juga masyarakat umum. Keberkesanan Pengurusan Kanan APB terbukti apabila penglibatan dan pencapaian warga APB mahupun UiTM diberi pengiktirafan dengan memaparkan tanggungjawab dan sokongan mereka terhadap matlamat organisasi melalui perkongsian di buletin (Bukti 1.5.2b).

Selain itu, Kecemerlangan Pengurusan Kanan APB terbukti dengan pencapaian cemerlang staf dan pelajar. Seramai 22 orang staf APB menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022 pada tahun 2023 (Bukti 1.5.3a). Bagi pelajar APB, Majlis Anugerah Dekan adalah antara pengiktirafan yang dinanti-nantikan oleh warga APB. Majlis Anugerah Dekan (Oktober 2022- Februari 2023) berjaya dianjurkan oleh SMFAPB pada 14 Jun 2023. Seramai 373 pelajar telah berjaya mencapai prestasi cemerlang (Bukti 1.5.3b). Pada masa yang sama, pelajar turut diberi penghargaan melalui Majlis Anugerah Tokoh Kepimpinan APB 2022/2023 pada 8 Jun 2023 yang diadakan di Dewan Anjung Sri Budiman (Bukti 1.5.3c). Pemberian anugerah adalah amalan terbaik bagi mempromosikan budaya positif organisasi. Pengiktirafan rasmi Pengurusan Kanan APB kepada warga membuktikan usaha pengurusan untuk menghargai kecemerlangan mereka.

Lebih daripada itu, **APB telah dianugerahkan Anugerah Emas Kategori Entiti Akademik oleh Pengurusan Akademik Cemerlang 2022 dalam Majlis Gala Meta** (Bukti 1.5.4). Pencapaian ini amat bermakna kerana ia mencerminkan kecemerlangan Pengurusan Kanan APB dalam membudayakan objektif dan inisiatif berkaitan BT. Kejayaan ini adalah hasil daripada kerja berpasukan dan sokongan mantap daripada semua warga UiTM.

Kesimpulannya, berdasarkan huraian dan bukti-bukti yang telah dilampirkan jelas Pnegurusan kanan APB mencapai objektif BT dengan berkesan iaitu untuk pembangunan warga APB melalui Kepimpinan, Akademik dan Pengantarabangsaan, Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar, Tanggungjawab Sosial dan Komuniti serta Kemahiran Insaniah.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB05_20241_Integrasi_Bukti_1.5.1.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB05_20242_Integrasi_Bukti_1.5.2a.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB05_20243_Integrasi_Bukti_1.5.2b.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB05_20244_Integrasi_Bukti_1.5.3a_b_c.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB05_20245_Integrasi_Bukti_1.5.4.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PERANCANGAN (PLAN): Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah merekabentuk pelan perancangan strategik yang selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) serta Pelan Strategik UiTM, dengan fokus utama pada teras pendidikan berkualiti. Dalam usaha memastikan perancangan ini seiring dengan matlamat universiti, proses pembangunan perancangan strategik APB dimulakan dengan **merujuk dan memegang teguh kepada Visi, Misi, dan Falsafah UiTM serta Visi dan Misi APB**. Langkah ini diambil untuk memastikan setiap perancangan yang digariskan memenuhi dasar yang telah ditetapkan oleh universiti dan APB.

PELAKSANAAN (DO): Sebanyak **68 PI telah diberikan kepada APB pada tahun 2023**, dengan sembilan daripadanya merupakan **PI di bawah bidang tumpuan Hal Ehwal Pelajar APB**. Untuk memastikan pemetaan tepat, PI ini telah dibahagikan mengikut enam teras utama yang sejajar dengan peranan Pengarah Peneraju: (1) Teras Pembelajaran dan Pengajaran, (2) Teras Hal Ehwal Kepimpinan (Pemeriksaan Mahasiswa), (3) Teras Penyelidikan, Penerbitan, Inovasi dan Pengkomersialan, (4) Teras Jaringan Industri, Komuniti & Alumni, (5) Teras Keusahawanan dan Penajaan, dan (6) Teras Pembangunan Bakat (Staf Pentadbiran dan Akademik). Selain itu, terdapat juga Teras Kepimpinan dan Tadbir Urus yang menyokong keseluruhan pengurusan dan membantu mencapai KPI yang telah ditetapkan untuk APB. Pelan perancangan dan pencapaian PI ini telah **dibentangkan di peringkat fakulti kepada ahli pengurusan dan warga APB melalui sesi Townhall dan Amanat Dekan**. Dalam konteks bidang tumpuan Hal Ehwal Pelajar di APB, sebanyak 11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan telah disusun semasa Bengkel Perancangan Strategik yang diadakan pada tahun 2023.

PEMANTAUAN (CHECK): Pemantauan amat penting untuk memastikan APB berjaya mencapai PI yang telah ditetapkan oleh Penyelaras Strategik Transformasi Universiti dan usaha untuk menyokong objektif dan inisiatif universiti. Pemantauan mengenai status pelaksanaan dan pencapaian projek dijalankan secara atas talian dan bersemuka di peringkat fakulti. Pengarah Projek akan **membentangkan laporan prestasi secara berkala** kepada pengurusan tertinggi fakulti. Pada peringkat UiTM, **pemantauan dilaksanakan secara berperingkat melalui sistem UePMO**. APB juga berusaha untuk **mengenalpasti risiko setiap inisiatif yang dirancang** dalam memastikan setiap prosedur dapat diuruskan dengan baik. Pengurusan risiko bagi operasi utama APB dikelaskan kepada empat (4) tahap iaitu (1) Tahap Rendah, (2) Tahap Sederhana, dan (3) Tahap Tinggi dan (4) Tahap Kritikal. Pengelasan tahap ini ditentukan bergantung kepada kemungkinan kejadian yang tidak diingini dengan jangka masa dan kesan terhadap pelaksanaan operasi tersebut. Beberapa kategori impak risiko telah dikenalpasti seperti kesukaran mendapatkan tajaan kewangan. Maka, 11 strategi telah dirangka untuk menjadi teras dalam aktiviti berkaitan pembangunan pelajar.

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT): Berdasarkan prestasi dan data laporan yang sentiasa dikemaskini, tindakan penambahbaikan untuk bidang tumpuan di bawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar di APB, dilaksanakan melalui **mekanisme perbincangan ketika Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Fakulti**. **Maklum balas juga diambil kira daripada staf APB** ketika pembentangan prestasi semasa Townhall Fakulti. Fokus utama dalam mesyuarat ini adalah untuk mengenalpasti halangan dan risiko untuk PI yang belum mencapai prestasi 100%. Berdasarkan hasil perbincangan ini, langkah-langkah strategik telah dibentuk untuk memastikan semua PI di bawah bidang tumpuan ini mencapai 100% dan selari dengan matlamat UiTM2025. Ini terbukti apabila APB telah dianugerahkan **Sijil Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Fakulti) dan Anugerah Transformasi Kecemerlangan**

(Penjanaan Pendapatan) oleh BTU UiTM pada tahun 2023.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik APB telah disusun dengan teliti untuk menyelaraskan perubahan dasar dan halatuju UiTM ke arah visi GRU 2025. Berdasarkan UiTM2025 dan PPPM 2015-2025, kerangka perancangan strategik APB dibina untuk merealisasikan matlamat ini, dengan **fokus utama pada pembangunan pelajar** sesuai dengan arus transformasi UiTM2025. Objektif strategik APB secara jelas menekankan inisiatif yang berkisar pada **hal ehwal dan pembangunan pelajar (Bukti 1_Rajah 2.1)**.

Untuk memastikan pencapaian yang berimpak tinggi, **perancangan strategik APB telah mempertimbangkan bilangan PI, nilai pemberat, dan sasaran yang ditetapkan** dengan cermat. Pada tahun 2023, kami diberi **68 PI ditumpukan kepada bidang-bidang strategik yang utama**. Untuk menjamin pemetaan PI yang tepat dan berkesan, PI telah dibahagikan kepada lima pemilik utama di APB, iaitu (1) Akademik dan Antarabangsa, (2) Hal Ehwal Pelajar, (3) Pendaftar dan Bendahari, (4) MASMED, dan (5) PJIMA (**Bukti 1_Rajah 2.2**). Pendekatan ini bukan sahaja memastikan bahawa setiap aspek telah dipantau dan diurus dengan berkesan, tetapi juga menunjukkan komitmen yang teguh terhadap kejayaan objektif strategik APB.

Pemetaan perancangan strategik APB telah diperkasakan melalui **siri bengkel berkala yang diadakan sebanyak empat (4) fasa dari tahun 2022 hingga 2023 (Bukti 2_Rajah 2.3-2.6)**. Fasa bengkel ini dimulakan dengan perangkaan, diikuti oleh pemurnian, pemantauan, dan diakhiri dengan pelaporan. Bengkel-bengkel ini dipimpin oleh Dekan sendiri dengan penglibatan penuh daripada kepimpinan kanan, staf akademik, dan staf pentadbiran. Pendekatan ini memastikan semua inisiatif diperhalusi, dipantau, dan disesuaikan untuk penambahbaikan berkala. Analisis risiko serta pelan mitigasi juga telah didaftarkan.

Selepas Bengkel Perancangan Strategik dan penambahbaikan dilaksanakan, ulasan positif diterima daripada pihak pengurusan dan staf yang terlibat dalam perancangan tersebut. Sebagai hasilnya, **Hal Ehwal Pelajar APB berjaya merangka 11 strategi (Bukti 3_Rajah 2.7) yang menjadi teras dalam mengadakan pelbagai aktiviti untuk mencapai PI yang ditetapkan bagi bidang tumpuan**. Kejayaan ini memperkukuhkan lagi komitmen kami terhadap kecemerlangan strategik dan pencapaian objektif organisasi.

Pelaporan penyelesaian dan pencapaian petunjuk strategik kami menunjukkan kejayaan cemerlang dengan pencapaian matlamat yang ditetapkan sebanyak 100%. Pada tahun 2023, kami berjaya menyempurnakan 11 strategi utama (**Bukti 3_Rajah 2.8**) di bawah perancangan strategik APB, yang dirancang berdasarkan **analisis SWOT (Bukti 3_Rajah 2.9)** yang mendalam. Rincian lengkap mengenai inisiatif dan impak aktiviti yang dilaksanakan dapat dilihat melalui **Bukti 4_Jadual 1**.

APB telah merancang semua inisiatif dengan strategi serampang dua mata, di mana **setiap inisiatif menyasar beberapa petunjuk prestasi utama (PI) secara serentak**. Pendekatan ini memastikan APB tidak hanya memenuhi tetapi melebihi matlamat PI yang telah ditetapkan. Melalui perancangan strategik yang teliti dan penambahbaikan berterusan, kami juga melancarkan beberapa inovasi penting. **Inovasi pertama, buletin APB "Lingua Phoria,"** memperkenalkan dan menonjolkan aktiviti-aktiviti hal ehwal pelajar (**Bukti 5_Rajah 2.10**). **Inovasi kedua melibatkan penerangan lengkap mengenai kelab dan persatuan pelajar APB di laman sesawang rasmi APB (Bukti 5_Rajah 2.11)**. Ini bertujuan untuk meningkatkan ketampakan program dan aktiviti yang dijalankan oleh serta bersama pelajar-pelajar APB, sekali gus menunjukkan komitmen kami terhadap kejayaan dan kemajuan yang berterusan. Melalui penganjuran program-program seperti Asian English Olympics, Program Pemantapan Destini Siswa, dan Eksplorasi Yogyakarta: SUDARA 2023, (**Bukti 4_Jadual 2.1**), Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah berjaya memperkasakan pelajar dari segi akademik, komunikasi, dan keterlibatan sosial.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_P01_PB02_20241_BUKTI 1_RAJAH 2.1 & 2.2.pdf](#)
2. [F0048_P01_PB02_20242_BUKTI 2_RAJAH 2.3-2.6.pdf](#)
3. [F0048_P01_PB02_20243_BUKTI 3_RAJAH 2.7-2.9.pdf](#)
4. [F0048_P01_PB02_20244_BUKTI 4_JADUAL 2.1_PENCAPAIAN AKTIVITI HEP PELAJAR APB.pdf](#)
5. [F0048_P01_PB02_20245_BUKTI 5_RAJAH 2.10-2.11.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan objektif dan Inisiatif Perancangan Strategik APB adalah sejajar dengan aspirasi, hala tuju, dasar dan matlamat agenda di peringkat kebangsaan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) serta Pelan Strategik UiTM2025 yang berfokus untuk melahirkan graduan yang seimbang dan holistik. Strategi pertama yang dilaksanakan adalah memperkasa set minda global dalam kalangan pelajar UiTM, mendidik nilai dan mempertingkatkan pengalaman pembelajaran melalui program-program pembangunan pelajar yang seimbang dan komprehensif.

Di Akademi Pengajian Bahasa, **pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan ini melibatkan kerjasama antara semua lapisan iaitu staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar.** Perancangan objektif dan inisiatif ini disebar luas kepada seluruh warga APB.

Perluasan Peringkat Akademi Pengajian Bahasa (Fakulti):

1. *Proses penyampaian dan perkongsian Perancangan Strategik dalam kalangan warga APB dibuat secara sistematik*

Sesi bersama Dialog bersama Dekan dan ahli pengurusan diadakan bagi tujuan perkongsian inisiatif, maklumat dan majlis penyerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada warga. Disamping itu juga, melalui sesi dialog tersebut, hal-hal berkaitan aktiviti, perancangan-perancangan jangka pendek, sederhana dan perancangan jangka panjang serta pencapaian PI turut dimaklumkan maklumat warga. Tambahan pula, APB turut menganjurkan sesi Townhall juga dijalankan bagi tujuan pembentangan aktiviti-aktiviti, pencapaian PI yang diberikan serta pencapaian-pencapaian lain APB untuk makluman warga. Pemberitahuan dan jemputan kepada warga ini dilaksanakan melalui emel rasmi dan platform Whatsapp (**Bukti 1_Rajah 2.1**)

2. *Lingua Phoria di Laman Web Rasmi APB*

Lingua Phoria merupakan salah satu **e-Buletin rasmi APB yang** memaparkan himpunan kisah-kisah kejayaan, kecemerlangan dan jaringan kerjasama APB sepanjang tahun 2023. Pada tahun 2023 terdapat tiga isu yang diterbitkan iaitu isu 1, isu 2 dan isu 3 (**Bukti 1_Rajah 2.2 & 2.3**)

3. *Media Sosial HEP UiTM.*

HEP APB juga menyebarkan informasi kegiatan serta aktiviti pelajar yang dijalankan melalui **media sosial rasmi iaitu Facebook (APB HEP) yang mempunyai 281 pengikut dan Instagram (apbhep) yang mempunyai 373 pengikut** untuk menyampaikan maklumat kepada warga serta alumni APB (**Bukti 1_Rajah 2.4**).

Perluasan peringkat UiTM:

Festival Altruisme 3.0 2023 telah diadakan pada 7 Oktober 2023 dengan kerjasama Unit Perkhidmatan OKU (UPO) UiTM dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Penganjuran Festival ini disebar luas kepada **seluruh warga UiTM melalui emel pemberitahuan (Bukti 2_Rajah 2.5).**

Perluasan Peringkat Global:

1. *Laman sesawang APB yang merupakan hub utama segala informasi dan kegiatan APB dapat dicapai dengan mudah.*

Laman sesawang inii mengandungi **satu bahagian (Bukti 3_Rajah 2.6) yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar** yang memberikan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti bersama persatuan pelajar di APB. Di APB terdapat enam (6) persatuan dalaman yang terdiri daripada SMFAPB

(Sekretariat Mahasiswa APB), APPLES, BMKP.

2. Media Sosial HEP UiTM.

HEP APB juga **menyebarkan informasi kegiatan serta aktiviti pelajar yang dijalankan melalui media sosial rasmi** iaitu Facebook, Instagram, bagi tujuan menyampaikan maklumat kepada warga serta alumni APB (**Bukti 3_Rajah 2.7**).

3. Ketampakan Melalui Penampilan Media

Penampilan media adalah penting untuk meningkatkan keterlihatan global sesebuah organisasi. Melalui liputan media (**Bukti 3_Rajah 2.8**), **APB sentiasa menyampaikan mesej, pencapaian, dan nilai-nilai mereka kepada audiens yang lebih luas.** Ini bukan sahaja memperluas peluang kerjasama global untuk pelajar, meningkatkan daya saing mereka di peringkat antarabangsa dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dalam pasaran global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB03_20241_BUKTI 1_RAJAH 2.1-2.4.pdf](#)
2. [F0048_P01_PB03_20242_BUKTI 2_RAJAH 2.5.pdf](#)
3. [F0048_P01_PB03_20243_BUKTI 3_RAJAH 2.6-2.8.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pelan strategik APB dalam melaksanakan inisiatif bidang tumpuan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan pencapaian petunjuk prestasi secara **berkala dan sistematik** agar selaras dengan pelan strategik UiTM. Pemantauan dilaksanakan berdasarkan **empat peringkat** iaitu **peringkat universiti, fakulti, bahagian** dan **jawatankuasa pelaksana** bagi inisiatif bidang tumpuan yang ditetapkan.

Mekanisme 1: Pemantauan peringkat **Universiti** dilaksanakan berdasarkan platform UePMO bagi memastikan pencapaian inisiatif secara **berkala** (Q1, Q2, Q3 dan Q4). Pemantauan dilaksanakan bersama-sama dengan Penyelaras Unit Perancangan Strategik, TDHEP, Dekan dan pihak BTU. Setiap perkembangan projek akan dimaklumkan secara langsung kepada TD HEP untuk **memberikan input pencapaian prestasi** menerusi platform UePMO tersebut. (Bukti 2.4.1a)

Mekanisme 2: Pemantauan peringkat **Fakulti** dilaksanakan menerusi pelaporan secara berkala oleh TDHEP APB kepada Dekan dalam **mesyuarat Jawatankuasa Fakulti** dari semasa ke semasa berdasarkan pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan yang dirancang dalam **kalender aktiviti fakulti**. (Bukti 2.4.1b)

Mekanisme 3: Pemantauan **BHEPAPB** dilakukan secara berkala antara TDHEP APB dengan Penyelaras menerusi **mesyuarat bahagian** bagi memastikan kelancaran program yang dirancang. Penyelaras dipertanggungjawabkan dengan inisiatif yang direncanakan dalam **11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan**. Keutamaan diberikan kepada STRATEGI **APB-SISWA GLOBALI, APB-SISWADIWARA** dan **APB-BAKAT SISWA (Akademik dan Pengantarabangsaan), APB-SISWASUKMA (Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar), APB-SISWABAKTI** dan **APB-SISWALOKALITI (Tanggungjawab Sosial dan Komuniti)**. Penyelaras TELAH bertindak melaporkan kepada TDHEP APB tentang perkembangan inisiatif yang dilaksanakan. (Bukti 2.4.1c)

Mekanisme 4: Pemantauan **Jawatankuasa Pelaksanaan Program** dilaksanakan melalui pelaporan gerak dari semasa ke semasa antara JAWATANKUASA PELAKSANA dengan PENGARAH projek inisiatif bidang tumpuan melalui kumpulan Whatsapp projek dan mesyuarat secara berkala sehingga hari pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan. Komunikasi DUA HALA dilakukan untuk mengambil langkah-langkah interim apabila sebarang isu atau risiko berlaku. (Bukti 2.4.1d)

Kesimpulan: Berdasarkan mekanisme yang dinyatakan, APB TELAH melaksanakan pelan pemantauan secara **berkala dan sistematik** bagi memastikan inisiatif strategik yang berkesan. APB juga TELAH memastikan PENGLIBATAN semua **warga kerja APB** dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan. Dalam **Mekanisme 1 dan 2**, pendekatan TOP-DOWN dilaksanakan bagi memastikan setiap strategi dan pelan SELARAS dengan PELAN PERANCANGAN UNIVERSITI, manakala bagi **Mekanisme 3 dan 4**, pendekatan BOTTOM-UP telah dilakukan bagi mengambil kira PENGLIBATAN seluruh WARGA KERJA APB dalam merealisasikan strategi dan inisiatif bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_P01_PB04_PC01_20241_APB_AKNC2023_K2_2.4.1\(a\).pdf](#)
2. [F0048_P01_PB04_PC01_20242_APB_AKNC2023_K2_2.4.1\(b\).pdf](#)
3. [F0048_P01_PB04_PC01_20243_APB_AKNC2023_K2_2.4.1\(c\).pdf](#)
4. [F0048_P01_PB04_PC01_20244_APB_AKNC2023_K2_2.4.1\(d\).pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

BHEP APB memanfaatkan penggunaan sistem UiSMS secara optimum dalam mengenalpastian **faktor dan punca risiko** bagi melaksanakan **tindakan pencegahan** untuk memastikan pencapaian inisiatif bidang tumpuan. Pengurusan risiko projek merupakan sebahagian daripada komponen utama untuk mengurus dan memantau risiko sesuatu projek. Tahap risiko projek direkodkan, dan projek yang menunjukkan tahap risiko tinggi atau sederhana dipertimbangkan untuk pelan mitigasi sama ada dibatalkan pelaksanaannya, dikawal atau dipinda. Contohnya projek Lawatan Akademik ke Walailak menunjukkan tahap risiko tinggi kerana faktor keselamatan kesan daripada PANDEMIK, maka projek tersebut TELAH DIPINDA dan DILAKSANAKAN pada masa yang lain bersesuaian dengan arahan keselamatan negara. (Bukti 2.4.2a)

Selain itu, setiap inisiatif bidang tumpuan dilaporkan berdasarkan **analisa program**, seterusnya direkodkan untuk **perancangan penambahbaikan** dalam **Dokumen Daftar Pengurusan Risiko** melalui sistem eRMS dan rekod bahagian di bawah seliaan BHEP APB. Perancangan penambahbaikan dicatatkan untuk memastikan risiko yang sama tidak berulang dalam inisiatif bidang tumpuan yang lain. (Bukti 2.4.2b)

Analisa program dilaksanakan berdasarkan laporan pascanilai serta borang maklum balas peserta yang terlibat dalam inisiatif bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB04_PC02_20241_APB_AKNC2023_K2_2.4.2\(a\).pdf](#)
2. [F0048_P01_PB04_PC02_20242_APB_AKNC2023_K2_2.4.2\(b\).pdf](#)
3. [F0048_P01_PB04_PC02_20243_APB_AKNC2023_K2_2.4.2\(c\).pdf](#)
4. [F0048_P01_PB04_PC02_20244_APB_AKNC2023_K2_2.4.2\(d\).pdf](#)
- 5.

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan dan penganalisaan setiap objektif dan inisiatif bidang tumpuan TELAH dijalankan secara BERKALA. **Perbincangan TELAH DILAKSANAKAN** dalam Mesyuarat Pengurusan Jawatankuasa Eksekutif APB, Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi APB dan Majlis Amanat Dekan 2023. Mesyuarat TELAH MENGENAL SEMULA faktor-faktor kelemahan dan risiko yang di hadapi dalam pelaksanaan inisiatif strategik tersebut.

Pemantauan dilaksanakan menerusi pembentangan laporan oleh Penyelaras BTU APB secara berkala menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti dan dibincangkan untuk kajian tindakan penambahbaikan. (Bukti 2.4.3)

Perbincangan cadangan PENAMBAHBAIKAN telah dijalankan dan diputuskan serta diambil untuk tindakan susulan oleh BHEP APB untuk memastikan setiap Penyelaras dan warga kerja yang terlibat memberi sumbangan untuk mencapai objektif dan inisiatif bidang tumpuan. Cadangan penambahbaikan dilaksanakan sebagai langkah intervensi untuk pencapaian inisiatif bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB04_PC03_20241_APB_AKNC2023_K2_2.4.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

APB menerusi pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif strategik TELAH BERJAYA MEMBUDAYAKAN pengurusan dan pembangunan pelajar dalam kalangan warga APB. Perkara ini dibuktikan melalui kecemerlangan aktiviti di bawah seliaan BHEP yang mencapai PI 100% seperti yang disasarkan dalam KPI BTU. BHEP APB serta menjadi antara PENYUMBANG TERTINGGI PENCAPAIAN KPI PI Q4 2023 TNC HEP. (Bukti 2.5a)

Pencapaian kecemerlangan sasaran bidang tumpuan ini menjadi TELADAN KECEMERLANGAN UiTM apabila APB dianugerahkan pencapaian cemerlangan bidang tumpuan melalui ANUGERAH PENGURUSAN AKADEMIK KOKURIKULUM CEMERLANG di *Meeting of Student Affairs Administration (MoSSA)* bagi tahun 2023. (Bukti 2.5b)

APB juga MEMBUDAYAKAN bidang tumpuan dalam kalangan warga APB melalui penglibatan semua warga kerja APB untuk bersama-sama MELAKSANAKAN inisiatif **#APB-SISWASUKMA** dan **#APB-SISWABAKTI** melalui program **APB KONGSI REZEKI** yang memberikan impak signifikan kepada pelajar APB. Setiap perkembangan jumlah kutipan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa menerusi kumpulan Whatsapp APB Sosial Rasmi. Program ini turut dipanjangkan kepada komuniti setempat dengan melibatkan hubungan sosial antara mahasiswa dan anak-anak yatim Rumah Amal Budi Bistari, Shah Alam (Bukti 2.5c).

Pengamalan budaya kerja perdana menerusi PENGIKTIRAFAN dan PENGHARGAAN kepada setiap pemegang taruh, warga kerja APB dan para pelajar APB dilaksanakan menerusi majlis penganugerahan yang diraikan bersama-sama. (Bukti 2.5d)

Kesimpulan: Berdasarkan bukti yang dikemukakan, tahap pembudayaan hasil dari pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif bidang tumpuan TELAH MEMPERLIHATKAN budaya kerja yang selaras dengan Perancangan Strategik UiTM sebagai sebuah *Global Renowned University* pada tahun 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB05_20241_APB_AKNC2023_K2_2.5\(a\).pdf](#)
2. [F0048_P01_PB05_20242_APB_AKNC2023_K2_2.5\(b\).pdf](#)
3. [F0048_P01_PB05_20243_APB_AKNC2023_K2_2.5\(c\).pdf](#)
4. [F0048_P01_PB05_20244_APB_AKNC2023_K2_2.5\(d\).pdf](#)
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan APB merangkumi pelanggan dalaman dan luaran. **Pelanggan dalaman** terdiri daripada golongan staf dan pelajar, manakala **pelanggan luaran** terdiri daripada golongan alumni, masyarakat, komuniti dan industri. **Pelanggan utama BT** ialah staf, pelajar, alumni dan komuniti.

Pihak pengurusan APB TELAH menitik beratkan kepuasan semua **pelanggan** dalam penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan untuk BT. Oleh itu, APB TELAH memastikan **perancangan** program untuk BT dilaksanakan dengan **sistematik** dan **selari dengan Pelan Perancangan Strategik APB 2023-2025** yang telah dirangka berdasarkan garis panduan diperingkat **universiti** (Pelan Strategik UiTM 2025). Program-program yang telah dijalankan juga diselaraskan dengan **Aspirasi UiTM** untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025. Dengan ini, APB TELAH **merancang enam (6) Pelan Perancangan Strategik** iaitu **#APB-SISWA GLOBALI, #APB-SISWADIWIRA, #APB-SISWA SUKMA, #APB-SISWA WIJAYA, #APB-SISWA BAKTI** dan **#APB-SISWA LOKALITI** bagi membangunkan dan memperkasakan BT.

Bagi merealisasikan **Pelan Perancangan Strategik** berkenaan, APB TELAH **melaksanakan** program-program perkongsian ilmu, komuniti dan kesukarelawanan selaras dengan BT. Elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan amat dititikberatkan semasa pelaksanaan program BT. Oleh itu, data-data kepakaran alumni telah dikumpul, disimpan dan dikenalpasti bidang industri mereka untuk menyelaraskan program yang akan datang. Pihak pengurusan APB telah melibatkan kumpulan sasaran secara menyeluruh iaitu staf, pelajar, alumni, komuniti dan industri (lokal dan antarabangsa) untuk memperkasakan pengurusan dan pembangunan pelajar.

Pemantauan keberkesanan pelaksanaan program BT TELAH dinilai secara “one-off” melalui maklumbalas pelanggan terhadap program yang dinyatakan di **Laporan Program**. Infomasi maklumbalas pelanggan dikumpul melalui aplikasi “Google Form” dan dianalisis sebelum dibawa ke mesyuarat laporan pelastarian program yang telah dijalankan oleh APB. Pelaporan berikut kemudian dikongsi kepada warga APB melalui perbincangan di mesyuarat berkaitan di APB. Bagi memperkasakan sistem pengurusan berkualiti, audit dalam TELAH diadakan sekali setahun di APB.

Kekurangan yang dialami oleh pelanggan APB semasa mengikuti program-program berdasarkan **pelan perancangan strategik APB 2023-2025** telah dikenalpasti dan **tindakan pencegahan** atas tujuan **penambahbaikan** telah dirancang untuk mendapatkan langkah-langkah penyelesaian yang bersesuaian dan praktikal.

Bagi program BT berskala besar, data-data pemantauan telah dikumpul secara SISTEMATIK, telah dianalisa secara berkesan dan telah digunakan bagi tujuan perbincangan di mesyuarat laporan perlestarian program bagi mengenalpasti isu berbangkit dan **penambahbaikan** yang perlu dilakukan pada masa yang akan datang.

Penaikan penglibatan pelajar, alumni dan industri semasa melaksanakan program-program BT di APB adalah antara tindakan **penambahbaikan** yang telah dilaksanakan oleh APB secara berkesan. Pembudayaan program-program BT yang berasaskan akademik, pengantarabangsaan dalam menjalankan aktiviti. Pemantauan program-program BT juga berasaskan kesejahteraan dan kebajikan pelajar. Tambahan pula, program-program berikut berjaya menjeratkan BT kepada kebudayaan tanggungjawab sosial dan komuniti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan APB TELAH di kategorikan kepada **pelanggan dalaman** dan **pelanggan luaran**. Kedua-dua kategori berikut merupakan **pelanggan utama BT**. **Kumpulan sasaran bagi BT** adalah merujuk kepada **pelanggan utama BT** sepertimana yang diterangkan dalam Bukti 3.1a dan Bukti 3.1b.

APB TELAH membuat **perancangan** yang **bersistematis** semasa membangunkan program-program berkaitan BT yang melibatkan pelanggan utama BT iaitu staf, pelajar, alumni dan komuniti agar berselari dengan:

1. **Pelan Perancangan Strategik APB 2023-2025** telah **dirangka** secara **sistematis** berdasarkan garis panduan di peringkat **universiti (Pelan Strategik UiTM 2025)**. (Bukti 3.1a dan Bukti 3.1b)

2. **Aspirasi UiTM** untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025.

Selari dengan BT dan berasaskan garis panduan di atas, APB telah melahirkan beberapa strategi berfokuskan kepada **pelanggan utama BT**. APB telah mendapat kesan enam (6) strategi yang berimpak tinggi, iaitu **#APB-SISWA GLOBALI**, **#APB-SISWADIWIRA**, **#APB-SISWA SUKMA**, **#APB-SISWA WIJAYA**, **#APB-SISWA BAKTI** dan **#APB-SISWA LOKALITI** untuk memperkasakan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

Program-program APB yang mendokongkan enam (6) strategi tersebut telah melibatkan pelanggan-pelanggan BT secara komprehensif. Program-program ini merangkumi aktiviti perkongsian ilmu kepakaran alumni, aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti kesukarelawanan di kalangan pelajar, staf, alumni dan komuniti. (Bukti 3.1c, Bukti 3.1e dan Bukti 3.1f).

Elemen **kreativiti dan inovasi** adalah pemangkin kepada percambahan ilmu dan kemahiran, manakala **perkongsian pengetahuan** adalah tujuan penyebaran ilmu. Oleh itu, strategi terhadap pelanggan BT telah menekankan elemen **kreativiti dan inovasi** semasa menjalankan aktiviti perkongsian pengetahuan. Sebagai contoh, pelajar telah mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan menjalankan program aktiviti bernama *Youth Empowerment Series (Y.E.S.) 2.0* yang diadakan di atas talian. Program tersebut telah mengalakkan pelajar untuk mengasah kemahiran mereka yang tersendiri dibawah bimbingan ceramah jemputan daripada industri dan alumni yang berpakaran dalam kemahiran IT (Bukti 3.1e).

Program aktiviti yang lain juga termasuk Festival Altruisme APB 3.0 yang telah dijalankan untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada **pelanggan utama** tentang badan badan organisasi yang sedia ada di Malaysia yang berkhidmat kepada golongan OKU, terutamanya kanak-kanak OKU (Bukti 3.1f).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, APB telah **mengenalpasti kumpulan sasaran/pelanggan BT**. Perancangan terhadap pelanggan BT telah dibuat secara **sistematis** setelah berpandukan kepada garis panduan di peringkat universiti dimana **elemen inovasi, kreativiti dan perkongsian pengetahuan** telah dititikberatkan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_T01_TB02_20241_Bukti_3.1a.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB02_20242_Bukti_3.1b.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB02_20243_Bukti_3.1c.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB02_20244_Bukti_3.1e.pdf](#)

5. [F0048_T01_TB02_20245_Bukti 3.1f.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pihak APB telah mengumpul and menyimpan data pelanggan, terutamanya dari pihak alumni dan dalam proses pengenalpastian.

Selari dengan BT dan berasaskan garis panduan yang telah diulaskan dalam bahagian pendekatan, APB telah melahirkan beberapa strategi berfokus kepada **pelanggan utama BT**. Berdasarkan enam (6) strategi yang diulaskan, terhasil enam (6) program aktiviti yang telah dijalankan berteraskan hasil Akademik dan Pengantarabangsa, Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar serta Tanggungjawab Sosial dan Komuniti.

Berikut adalah senarai nama program aktiviti yang telah dijalankan untuk merealisasikan pelan perancangan strategik *Modern Language Olympiad 2.0 (MLO 2.0)* (Bukti 3.1c), *Youth Empowerment Series (Y.E.S.) 2.0* (Bukti 3.1e), *Masterful Minds: A Career in Copywriting 2023* (Bukti 3.1g), *Creavity Self-Care* (Bukti 3.1h) dan *Festival Altruisme APB 3.0* (Bukti 3.1f).

Modern Language Olympiad 2.0 (Bukti 3.1c) telah membantu mendidik pelajar untuk mengasahkan kemahiran berkomunikasi antara mereka dan pelajar antarabangsa. Program ini diwujudkan untuk mengasahkan kualiti kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar melalui pertandingan kebahasaan yang mengalakkan mereka untuk berkomunikasi dengan yakin dan berkesan di peringkat global. Program ini juga telah mewujudkan jalinan hubungan **pelanggan utama** dengan institusi dalam dan luar negara untuk pertukaran maklumat dan menjalin kenalan.

Youth Empowerment Series (Y.E.s.) 2.0 (Bukti 3.1e) telah mengajar **pelanggan utama BT** untuk berkolaborasi bersama pihak berlainan yang merupakan pihak HEP fakulti, komuniti, alumni dan industri dalam menjanakan dana untuk program yang telah membantu **pelanggan utama** untuk mengasahkan kemahiran mereka tersendiri. Dalam program ini, **pelanggan utama** telah mengikuti pelbagai sesi forum yang **menitikberatkan** hal-hal penting seperti kesihatan, akademik dan kemahiran hidup melalui nasihat-nasihat yang diberi oleh pakar atau individu relevan yang terkemuka yang hadir sebagai penceramah.

Masterful Minds: A Career in Copywriting 2023 (Bukti 3.1g) telah mengajar **pelanggan utama BT** untuk berkolaborasi bersama pihak berlainan seperti pihak HEP fakulti, komuniti, alumni dan industri dalam perkongsian ilmu berkomunikasi dalam bahasa inggeris. Program ini telah memperkukuhkan kebolehpasaran **pelanggan utama** di alam kerjaya bidang *copywriting* bersama pihak industri. Melalui inisiatif program ini, **pelanggan utama** telah diberi peluang untuk mendapat pengalaman menjadi agen perubahan berkaliber dalam masyarakat.

Creavity Self-Care (Bukti 3.1h) telah mengajar **pelanggan utama BT** untuk berkolaborasi bersama Ronald McDonald House Charities, Nippon Paint, Art Trivium dan GESTURZ menjana impak positif di Hospital Tunku Azizah melalui kerja sukarelawan dan aktiviti seperti story-telling untuk kanak-kanak.

Festival Altruisme APB 3.0 (Bukti 3.1f) telah mengajar **pelanggan utama BT** untuk berkolaborasi bersama alumni dan industri (MBSA) dalam mendapatkan dana untuk menjayakan program kesedaran bagi pihak OKU. Program ini juga memberi peluang untuk **pelanggan utama** menjadi sukarelawan berinteraksi bersama kanak-kanak OKU dan memberi pendedahan kepada mereka tentang badan-badan organisasi yang ada di Malaysia yang berkhidmat untuk kanak-kanak OKU.

Kesimpulannya: Berdasarkan elaborasi yang telah dinyatakan di atas, data pelanggan telah dikumpul dan disimpan. Pihak pengurusan telah melibatkan pelanggan sasaran dalam pelaksanaan perancangan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB03_20241_Bukti_3.1c.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB03_20242_Bukti_3.1g.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB03_20243_Bukti_3.1h.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB03_20244_Bukti_3.1e.pdf](#)
5. [F0048_T01_TB03_20245_Bukti_3.1f.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan bertujuan untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan setiap program BT di APB. Kesemua program BT yang dilaksanakan di APB bertujuan untuk **merancang enam (6) Pelan Perancangan Strategik** iaitu **#APB-SISWA GLOBALI, #APB-SISWADIWIRA, #APB-SISWA SUKMA, #APB-SISWA WIJAYA, #APB-SISWA BAKTI** dan **#APB-SISWA LOKALITI**.

Sehubungan ini, kesemua program BT **telah diberi pemantauan yang sewajarnya**. Di APB pemantauan program tersebut **telah dilaksanakan secara “one-off”** melalui maklum balas pelanggan terhadap program yang dinyatakan di **Laporan Program** [Bukti 3.4.1(a)-(e)]. **Maklum balas program BT akan dikumpul melalui aplikasi “Google Form”**. Infomasi maklum balas pelanggan yang **dikumpul secara bersistematik** tersebut akan **dianalisis secara saintifik** sebelum dibawa ke mesyuarat laporan perlestarian program yang telah diadakan di APB. Tujuan perbincangan di mesyuarat laporan perlestarian program adalah untuk mengenal pasti isu-isu berbangkit agar **penambahbaikan** dilakukan pada masa akan datang.

Seterusnya, hasil pelaporan berkaitan akan dikongsikan kepada warga APB melalui perbincangan di mesyuarat APB. Selain itu, **audit dalaman telah diadakan setiap tahun** di APB bagi mempertingkatkan kualiti sistem pengurusan dan pentadbiran APB. Dalam hal ini, sebarang kekurangan yang dapat dikesan sebagaimana yang pernah dialami oleh pelanggan APB semasa mengikuti program-program BT berdasarkan **pelan perancangan strategik APB 2023-2025** telah dikenalpasti. Seterusnya, **tindakan pencegahan** dengan tujuan untuk **penambahbaikan** telah dilakukan. Kesemua tindakan pemantauan ini telah dirancang dan dilakukan secara konsisiten dan praktikal pada masa yang bersesuaian.

Antara hasil penambahbaikan yang ketara ialah peningkatan bilangan penglibatan para pelajar, alumni dan industri semasa melaksanakan program-program BT di APB, serta pembudayaan program-program BT yang berasaskan akademik dan pengantarabangsaan aktiviti. Pemantauan program-program BT juga berteraskan aspek menjaga kesejahteraan dan kebajikan pelanggan BT (iaitu para pelajar). Dalam pada itu, pemantauan program-program BT di APB juga berjaya menjeratkan BT kepada budaya bertanggungjawab sosial dan komuniti setempat.

Kesimpulan: **Hasil pemantauan** yang telah diperolehi melalui maklum balas Laporan Program **telah digunakan untuk kaji semula pengurusan** di mesyuarat *post-mortem* agar penambahbaikan yang perlu dilakukan pada masa yang akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_T01_TB04_TC01_20241_Bukti 3.4.1\(a\)_Laporan Program Festival Altruisme 3.0 \(1\).pdf](#)
2. [F0048_T01_TB04_TC01_20242_Bukti 3.4.1\(b\)_Laporan Program Bengkel Perancangan Strategik APB.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB04_TC01_20243_Bukti 3.4.1\(c\)_Laporan Program Masterful Minds_A Career in Copywriting 2023.docx.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB04_TC01_20244_Bukti 3.4.1\(d\)_LAPORAN PROGRAM YOUTH EMPOWERMENT SERIES \(YES\).pdf](#)
5. [F0048_T01_TB04_TC01_20245_Bukti 3.4.1\(e\)_LAPORAN PROGRAM MODERN LANGUAGE OLYMPIAD 2.0.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pencapaian dan kejayaan pelaksanaan program-program BT yang melibatkan pelanggan sama ada pelajar, industri ataupun komuniti sudah semestinya mempunyai risiko yang boleh menjadi halangan. Oleh itu, **pengurusan risiko yang berterusan dan sistematik** turut diberi tumpuan dalam **pelan perancangan strategik APB 2023-2025** [Bukti 3.4.2(a)]. Hal ini banyak membantu mengenal pasti halangan yang bakal muncul dan kelemahan yang boleh menjejaskan operasi dalam mencapai objektif program-program BT yang merangkumi risiko, tadbir urus dan strategi. APB melalui **Unit Pengurusan Risiko telah** mengenapasti risiko-risiko yang boleh mencacatkan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian program-program BT. Antara risiko yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. Risiko pasca-pandemik COVID-19, iaitu perubahan norma kehidupan harian dan norma kerja yang mana sesetengah pelanggan BT tidak sudi hadir secara fizikal semasa program BT dijalankan di APB. Ini adalah kerana mereka ingin menjimatkan kos perjalanan dan menganggap terdapat kaedah alternatif (iaitu penyertaan secara dalam talian) untuk turut serta dalam program BT.
2. Risiko kekurangan bilangan sukarelawan ataupun alumni yang ingin membabitkan diri dalam program-program BT anjuran APB.

Pihak pengurusan dan pentadbiran APB melalui **Unit Pengurusan Risiko telah** mengambil langkah-langkah berikut untuk mengurus risiko yang dikenal pasti di atas:

Langkah 1: Risiko berkenaan telah dibincangkan di Program Bengkel Perancangan Strategik APB. [Bukti 3.4.2(b)].

Langkah 2: APB seterusnya **telah merancang dan mengambil tindakan pencegahan untuk menangani** Risiko 1 & 2 di atas dengan mengadakan sebahagian program BT anjuran APB dalam talian. [Bukti 3.4.2(c)-(e)]

Kesimpulan: Pengurusan risiko APB boleh dikatakan **telah dilakukan secara bersistematik dan menyeluruh** dengan membabitkan semua pelanggan BT demi merancang tindakan pencegahan, menetapkan kaedah kawalan dan memantapkan pelaksanaan sekiranya berlaku risiko yang telah dikenal pasti. Penubuhan Unit Pengurusan Risiko APB telah bertanggungjawab untuk mengenal pasti jenis risiko, tindakan penambahbaikan, merancang tindakan kawalan dan seterusnya tindakan alternatif sebagai langkah untuk memastikan kepuasan pelanggan BT berada pada tahap yang optimum seterusnya melestarikan prestasi perkhidmatan secara berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB04_TC02_20241_Bukti 3.4.2\(a\)-Bengkel Perancangan Strategik APB.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB04_TC02_20242_Bukti 3.4.2\(b\)_Laporan Program Bengkel Perancangan Strategik APB.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB04_TC02_20243_Bukti 3.4.2\(c\)_Pengenalpastian Risiko_Laporan Program Masterful Minds .pdf](#)
4. [F0048_T01_TB04_TC02_20244_Bukti 3.4.2\(d\) -APB Siswa Globali _Jaringan industri-Impak-Pengenalpastian Risiko dan Penambahbaikan.pdf](#)
5. [F0048_T01_TB04_TC02_20245_Bukti 3.4.2 \(e\)-APB SISWA SUKMA-Y.E.S Jaringan komuniti dan industri.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak pengurusan dan pentadbiran APB akan mengkaji semula dan mengambil berat terhadap maklum balas yang diterima setiap kali program-program BT berlangsung. Setiap kepuasan dan ketidakpuasan hati pelanggan diukur dengan menggunakan borang soal selidik dan akan diterangkan dengan terperinci dalam jadual sebagaimana **telah tercatat dalam Laporan Post-Mortem** program-program BT seperti #APB-SISWA GLOBALI, #APB-SISWADIWIRA, #APB-SISWA SUKMA, #APB-SISWA WIJAYA, #APB-SISWA BAKTI dan #APB-SISWA LOKALITI. [Bukti 3.4.3(a)-(d)]

Kesemua tindakan penambahbaikan program dilakukan dengan mengkaji semula aturcara sehingga ke pelaksanaan program/aktiviti agar **relevan dengan kehendak pelanggan serta sejajar dengan matlamat pelan perancangan strategik APB 2023-2025**. Maklum balas dan aduan pelanggan yang diperoleh akan dianalisis agar langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan.

Selain itu, Jawatankuasa Audit Dalaman APB juga berperanan membantu pengurusan APB untuk tindakan penambahbaikan secara berterusan melalui audit dalam yang dilaporkan, terutama sekali dari 4 aspek berikut [Bukti 3.4.3(e)]:

- (i) **Area 1: Institutional Leadership and Governance;**
- (ii) **Area 2: Academic Development and Management;**
- (iii) **Area 3: Talent and Resources;**
- (iv) **Area 4: Continual Quality Improvement and Sustainability.**

Melalui mekanisme audit dalaman APB, data pemantauan telah dikumpul dan dikaji semula secara sistematik dan dianalisis secara berkesan agar penambahbaikan dapat dilakukan. Dalam pada itu, hasil audit juga **telah digunakan bagi tujuan perbincangan di mesyuarat-mesyuarat**, seperti Mesyuarat Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti (akademik dan pentadbiran), serta Mesyuarat Pemantauan (*post-mortem*) Program-program BT [Bukti 3.4.3(a)-(d)].

Kesimpulan: **Kepuasan pelanggan BT sentiasa dititikberatkan** oleh APB bagi menjamin kualiti perkhidmatan hasil daripada perancangan strategik, pelaksanaan pelan risiko yang berkesan, pemantauan berterusan dan kajian semula yang terperinci terhadap tumpuan pelanggan BT di APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB04_TC03_20241_Bukti 3.4.3\(a\) -APB Siswa Bakti_Program Creativity Self-care_Jaringan industri-Mengkaji semula dan Penambahbaikan.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB04_TC03_20242_Bukti 3.4.3\(b\) -APB Siswadiwira_Jaringan industri-Impak-Mengkaji semula dan Penambahbaikan.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB04_TC03_20243_Bukti 3.4.3\(c\) Laporan Program Festival Altruisme 3.0_Mengkaji semula dan penambahbaikan.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB04_TC03_20244_Bukti 3.4.3\(d\) LAPORAN PROGRAM YOUTH EMPOWERMENT SERIES \(YES\) mengkaji semula & penambahbaikan.pdf](#)
5. [F0048_T01_TB04_TC03_20245_Bukti 3.4.3 \(e\)-Plan Audit Dalaman APB 2023.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui pengenalan kepada kumpulan sasaran, **program-program BT yang telah dijalankan oleh APB dapat mempertingkatkan jaringan industri dan komuniti secara berkesan.** Hal ini dapat dilihat melalui keberkesanan program yang dijalankan mampu mendukung misi dan visinya sebagaimana yang terdapat di dalam **Perancangan Strategik APB 2023-2025.** Sebagai contohnya, berkesan pelaksanaan program secara pendigitalan, iaitu dalam talian dapat dilihat melalui program-program BT seperti berikut:

Contoh Program BT (1):

Masterful Minds: A Career in Copywriting 2023 [Bukti 3.4.2(c)] merupakan satu program yang terbuka kepada mahasiswa UiTM, khususnya bagi kursus Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Inggeris Komunikasi AntaraBudaya (LG 243). Program ini adalah dilaksanakan **dalam talian (pendigitalan)** dan dikendalikan oleh *English Cultural Society* (ECLIPSE). Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumbalas para peserta, beberapa permasalahan **telah dapat dikenal pasti dan ditambahbaik.** Program ini menggunakan perisian '*Streamyard*' untuk melakukan siaran langsung ke saluran '*Youtube*' milik APB.

Selain itu, penceramah-penceramah dan topik yang dibincangkan disambut baik oleh para pelajar, di mana soalan-soalan yang dilontarkan berkait dengan isu '*copywriting*'. amatlah diperlukan oleh para pelajar untuk sentiasa maju dalam bidang yang diceburi, dan menaikkan reputasi diri serta institusi berkait. **Kehadiran pakar dalam bidang ini telah membuka mata serta memperluaskan lagi peluang yang ada** bagi bakal graduan, terutama sekali dapat membantu dan membimbing mereka dalam menginjak ke alam pekerjaan dalam fasa kehidupan seterusnya. Program ini juga **telah membabitkan alumni APB.**

Contoh Program BT (2):

Program Youth Empowerment Series (Y.E.S) [Bukti 3.4.3(d)] merupakan program yang dianjurkan oleh Sekretariat Mahasiswa Fakulti Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB). Ia bertujuan untuk menggalakkan pembangunan yang holistik dalam kalangan pelajar, iaitu pelanggan dalaman utama APB. **Pelbagai sesi forum secara maya telah diadakan dalam program BT ini.** Elemen-elemen seperti kesihatan, akademik dan kemahiran hidup **telah dibincangkan bersama pakar atau individu terkemuka yang relevan.** Di samping itu, program ini juga **telah menjana pendapatan** bagi SMFAPB melalui yuran sebanyak RM 2.00 bagi setiap penyertaan dalam slot – slot yang dibuka.

Selain itu, program-program BT seperti **Festival Altruisme 3.0 APB 2023**[Bukti 3.4.1(a)], **Modern Language Olympiad 2.0** [Bukti 3.4.1(e)] dan **Creativity Self-Care (#APB SISWA-BAKTI)**[Bukti 3.4.3(a)] juga **telah menjalinkan hubungan antara pelajar (pelanggan dalam) dengan pelanggan luar seperti komuniti setempat, organisasi antarabangsa, alumni dan pihak kementerian secara berkesan.**

Kesimpulan: Pendigitalan pelaksanaan program-program BT adalah antara tindakan penambakan yang **telah dilaksanakan oleh APB dengan berkesan.** Program-program BT yang dijalankan secara maya dan **telah membabitkan lebih ramai pelanggan dalaman ataupun luar** bukan sahaja dapat **meningkatkan reputasi dan keberkesanan** program-program BT yang bertaraf antarabangsa, malahan **telah menghasilkan inovasi dalam amalan dan pembudayaan APB.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB05_20241_Bukti_3.4.2\(c\)_Pengenalpastian_Risiko_Laporan_Program_Masterful_Minds_.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB05_20242_Bukti_3.4.3\(d\)_LAPORAN_PROGRAM_YOUTH_EMPOWERMENT_SERIES_\(YES\)_mengkaji_semula_&_penambahbaikkan.pdf](#)

3. [F0048_T01_TB05_20243_Bukti 3.4.1\(a\) Laporan Program Festival Akuisisi 2.0 \(1\).pdf](#)
4. [F0048_T01_TB05_20244_Bukti 3.4.1\(e\) LAPORAN PROGRAM MODERN LANGUAGE OLYMPIAD 2.0.pdf](#)
5. [F0048_T01_TB05_20245_Bukti 3.4.3\(a\) -APB Siswa Bakti Program Creativity Self-care Jaringan industri-Mengkaji semula dan Penambahbaikan.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam sesebuah organisasi, pengukuran dan analisa data menjadi input terpenting dalam memastikan setiap objektif yang dirancang, tercapai. Berdasarkan bidang tumpuan ini, APB jelas mensasarkan kecemerlangan para pelajarnya. Hal ini bertepatan misi dan visi APB dan selari dengan objektif universiti dalam mencapai Global Renowned University 2025 dalam pelbagai bidang. Bagi mencapainya, terdapat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan perlu dilakukan dalam konteks pengukuran data bagi bidang tumpuan, pengurusan dan pembangunan pelajar.

APB telah merancang pengukuran dengan alat intrumen yang sesuai. Hal ini kerana pengukuran dan analisa ini mestilah dapat memastikan bahawa pelbagai program yang telah dijalankan dapat diketahui hasil keberkesannya. Dapatan hasil analisis dapat membantu HEP APB merancang program pelajar yang berimpak tinggi. Pembinaan instrumen pengukuran melalui pelbagai sistem dapat membantu tahap pelaksanaan. Dalam konteks ini, HEP APB menggunakan GD sebagai pengumpulan data dan mengukur data menggunakan excel.

Dari aspek pelaksanaan, data yang telah diperolehi ini diukur dan dianalisis sepanjang tahun. Data program yang telah dilaksanakan dan dikumpul dalam Google Drive (GD) yang telah ditetapkan. Data-data ini berdasarkan borang selidik yang diedarkan setelah sesebuah program atau aktiviti pelajar berakhir. Dalam tempoh tersebut, data-data ini dianalisis bagi tujuan pengukuran keberkesanan. Seterusnya hasil dapatan yang diperolehi juga melibatkan pelbagai strategi pelaksanaan yang sesuai. Tindakan ini boleh berdasarkan cara menguruskan sesebuah program, jenis program, para peserta dan sebagainya.

HEP APB juga menggunakan pengukuran dan analisis dalam aspek pemantauan. Aspek ini boleh membantu HEP APB dan unit yang berkaitan dengan pelajar untuk memantau cara pengendalian program, pencapaian akademik dan kesejahteraan dan kebajikan pelajar dan tanggungjawab sosial dan komuniti. Pemantauan ini sangat penting bagi meningkatkan gerak kerja pelajar dan staf khususnya dalam pengelolaan program atau aktiviti peringkat dalaman, masyarakat, interfakulti dan antarabangsa. Melalui mesyuarat yang dijalankan juga dapat menunjukkan aspek pemantauan yang dilakukan oleh HEP APB dan diminitkan. Hasil pemantauan ini dalam pelbagai instrumen dapat menjadikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai. Tanpa pemantauan, pelbagai perancangan dan pelaksanaan tidak akan berjalan dengan baik malah menyukarkan pelajar untuk menimba ilmu atau kemahiran yang diperlukan di luar bilik kuliah.

Tindakan penambahbaikan dalam pengukuran dan analisis menjadi suatu cara untuk HEP APB mengorak langkah seterusnya dalam membina kualiti pencapaian pelajar dan staf yang terlibat dengan program atau aktiviti para pelajar. Penggunaan GD yang lebih meluas dan ditambah baik dengan pelbagai item yang perlu dikumpul juga menjadikan proses pengukuran dan analisis dapat dijayakan dengan baik. Pengumpulan data adalah suatu kerja yang rumit kerana memerlukan masa dan tenaga dan seterusnya data-data ini perlu dianalisis bagi memberi input yang bermakna. Penambahbaikan ini juga sebagai suatu nilai tambah yang boleh digunakan oleh HEP APB untuk menambah pengetahuan, membentuk inovasi, dan membudayakan pengukuran dan analisis dalam kalangan warga, staf dan pelajar.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

APB amat menitikberatkan kepentingan pengurusan hal ehwal pelajar yang baik untuk mencapai sasaran objektif yang telah ditetapkan. Perkara ini adalah untuk memastikan perancangan yang dilaksanakan jelas dan tepat serta menjurus kepada hasil pelaporan yang telah dirangka dalam perancangan strategik iaitu memberikan tumpuan kepada 3 hasil utama :

1) Akademik dan Pengantarabangsaan

2) Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar

3) Tanggungjawab Sosial dan Komuniti.

APB juga memastikan setiap tindakan dan aktiviti yang dijalankan mencapai sasaran objektif dengan melakukan proses pengukuran untuk setiap keberhasilan yang dirancang. Mengangkat tema kecemerlangan akademik melalui slogan **#APBgloballymarketable**, APB sepakat untuk sentiasa berusaha memastikan pelajar mendapat ilmu pengetahuan yang bermakna selari dengan kehendak pasaran kerjaya.

Salah satu pencapaian yang menjadi sasaran **APB dari segi tumpuan akademik** adalah untuk menyasarkan **seorang pelajar Anugerah Naib Canselor (ANC) yang layak untuk mendapat Anugerah Khas Konvokesyen** pada setiap istiadat konvokesyen UiTM. ANC ialah anugerah kepujian kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian dengan memperolehi Anugerah Dekan pada setiap semester. Demi mencapai tujuan ini, temu duga calon ANC telah dilaksanakan oleh panel penilai yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan Akademik serta Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar untuk mencari calon ANC yang layak ke temu duga akhir peringkat UiTM. Persediaan mental dan fizikal calon sangat penting untuk menunjukkan calon mampu bersaing dengan calon-calon ANC fakulti lain. Persiapan calon dipantau rapi oleh Pengurusan Tertinggi APB supaya matlamat ini dapat dicapai. Pencapaian pelajar APB untuk mendapat anugerah khas konvokesyen ini menunjukkan APB cemerlang dari aspek akademik setanding dengan fakulti serta akademi pengajian yang lain (**bukti 4.2.1**).

Selain itu, APB juga komited memastikan **program kemahiran pelajar diperkasa** dengan memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi ahli jawatankuasa dalam pengurusan program peringkat antarabangsa **APB-Siswa Globali seperti Modern Language Olympiad (MLO 2.0)** yang menggabungkan peserta dari Malaysia, Indonesia dan Filipina. Penglibatan pelajar sebagai ahli jawatankuasa sekaligus meningkatkan kemahiran serta memberikan ilmu baharu dalam pengurusan program berskala besar (**bukti 4.2.2**). Selain itu, **Festival Altruisme APB 3.0** dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut diadakan untuk memupuk semangat altruisme dalam kalangan pelajar dengan menjadi sukarelawan sepanjang festival ini berlangsung untuk **menyumbang khidmat dan bakti** kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) (**bukti 4.2.3**)

BHEP APB juga memberikan **tumpuan terhadap kesejahteraan dan kebajikan pelajar** supaya tidak terbeban dengan masalah kewangan sepanjang tempoh pengajian di APB. Kepentingan memastikan kebajikan pelajar APB terjaga memberikan impak terhadap prestasi akademik pelajar. **APB Kongsi Rezeki** telah diimplementasikan melalui program **Gerobok Rezeki (bukti 4.2.4)** yang memperolehi sumbangan daripada staf dan pensyarah APB untuk menampung dana yang disalurkan oleh BHEP UiTM. Sumbangan ini berjalan selama satu semester untuk memastikan bekalan makanan kepada pelajar berterusan dan dapat membantu pelajar yang memerlukan.

Selain itu, inisiatif lain seperti pengumpulan wang sumbangan daripada warga APB untuk diberikan kepada pelajar atau waris apabila berhadapan dengan kesukaran seperti kematian dan kemalangan turut dilaksanakan (**bukti 4.3.5**). **Tema APB Prihatin** diperkasa untuk menunjukkan karisma serta tanggungjawab sosial **BHEP APB** terhadap pelajar. Sumbangan yang disalurkan ini diharapkan dapat menolong meringankan beban pelajar.

GENERAL NOTE:

1. [F0048_A01_AB02_20241_APB_AKNC2023_K4_4.2.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB02_20242_APB_AKNC2023_K4_4.2.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB02_20243_APB_AKNC2023_K4_4.2.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB02_20245_APB_AKNC2023_K4_4.2.5.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB02_20245_APB_AKNC2023_K4_4.2.4.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

APB komited untuk sentiasa memastikan proses pembelajaran dan pengajaran pelajar berjalan dengan lancar demi memperkasa slogan **#APBgloballymarketable**. Tumpuan akademik pelajar sentiasa diutamakan supaya pelajar mampu menamatkan pengajian dengan cemerlang dan **tamat mengikut kepada pelan pengajian yang ditetapkan (*Graduate on Time*)**. Demi menyokong pelan tindakan ini, APB menyusun strategi daripada peringkat pengurusan tertinggi sehinggalah ke para pensyarah untuk sama-sama berganding bahu dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan supaya perhubungan antara pensyarah dan pelajar dapat diperkasa. Sebagai contohnya, **lantikan penasihat akademik (bukti 4.3.1)** dalam kalangan pensyarah merupakan satu langkah yang baik untuk memastikan adanya pemantauan berkaitan dengan akademik pelajar. Selaku penasihat akademik pelajar, pensyarah perlu **memberikan nasihat akademik secara berkesan supaya pelajar dapat merancang pelan pengajian (bukti 4.3.2)** dan menjadikan **APB GOT matlamat utama pelajar**. BHEP APB mengorak langkah dengan menyokong **Program Mentor-Mentee** yang dilaksanakan setiap semester untuk mewujudkan hubungan yang akrab antara pensyarah dan pelajar sekaligus dapat memantau perkembangan akademik pelajar masing-masing. Program Mentor-Mentee ini dijalankan sekurang-kurangnya sekali satu semester dan sesi bersama Mentor masing-masing dilaksanakan secara berkala terutama semasa minggu kuliah sedang berjalan. **Perjumpaan Mentor-Mentee (bukti 4.3.3)** ini sangat penting untuk memastikan pelajar sentiasa bersemangat dalam menuntut ilmu pengetahuan serta pelajar mempunyai tempat rujuk sekiranya berlaku sebarang masalah sama ada melibatkan masalah akademik ataupun masalah peribadi yang mengganggu proses pembelajaran.

Townhall bersama Dekan (bukti 4.3.4) juga dilaksanakan sekali setiap awal semester kepada pelajar semester 1 yang baru sahaja mendaftar menjadi pelajar APB. Sesi perjumpaan bersama Dekan ini merupakan salah satu usaha untuk memberikan semangat serta motivasi kepada pelajar baharu APB supaya dapat menetapkan matlamat dan mencapai GOT serta ANC semasa tamat pengajian kelak. Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar turut berkongsi maklumat berkaitan fungsi BHEP sebagai panduan sepanjang tempoh tiga tahun pengajian di APB. BHEP APB komited untuk memastikan kebajikan pelajar terjaga. Selain daripada Pengurusan Tertinggi APB, **Ketua Pusat Pengajian (KPP)** juga mengambil inisiatif untuk mengadakan perjumpaan dengan setiap pelajar mengikut semester masing-masing supaya kesejahteraan dan kebajikan pelajar terjaga. **APB Prihatin** terus diutamakan supaya pelajar dapat mendepani cabaran dan halangan sepanjang tempoh pengajian di APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_A01_AB03_20241_APB_AKNC2023_K4_4.3.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB03_20242_APB_AKNC2023_K4_4.3.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB03_20243_APB_AKNC2023_K4_4.3.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB03_20244_APB_AKNC2023_K4_4.3.4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Proses pemantauan setiap adalah penting bagi membantu pusat tanggungjawab (PTJ) mengenalpasti sama ada program pelajar yang dijalankan mencapai objektif yang telah disenaraikan. Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah menjalankan program mobiliti ke luar negara bagi latihan industri. Proses pemantauan telah dijalankan dengan mengadakan program perkongsian daripada para pelajar yang telah menjalani latihan industri di luar negara. Selain daripada itu, APB juga berkolaborasi dengan Universiti BINUS, Indonesia bagi program Asian English Olympics (AEO). Pemantauan telah dijalankan melalui laporan yang telah dihantar oleh kelab-kelab pelajar yang terlibat.

Kecemerlangan akademik pelajar juga menjadi salah satu tumpuan APB. Bagi kecemerlangan akademik pula, APB telah memantau perkara ini dengan mengadakan perjumpaan Ketua Pusat Pengajian (KPP) bersama para pelajar (townhall). Selain daripada itu, penasihat akademik juga telah menjalankan perjumpaan bersama mentri pada awal semester dan juga akhir semester sama ada secara bersemuka ataupun dalam talian. APB juga telah memantau kecemerlangan para pelajar melalui proses latihan industri yang para pelajar perlu ambil maklum.

APB juga memberi tumpuan kepada kesejahteraan dan kebajikan para pelajar. APB telah menjalankan beberapa inisiatif bagi memberi kemudahan yang sewajarnya kepada para pelajar. Program-program yang telah dijalankan adalah #APBKongsiRezeki, #GerobokRezeki dan kutipan sumbangan kepada para pelajar yang memerlukan. Pemantauan telah dilakukan melalui penyerahan makanan dan sumbangan kepada para pelajar/ahli keluarga pelajar yang terlibat. Tumpuan ini adalah sangat penting bagi memastikan para pelajar dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara kondusif.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_A01_AB04_AC01_20241_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB04_AC01_20242_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB04_AC01_20243_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB04_AC01_20244_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_4.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB04_AC01_20245_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap program yang dijalankan pasti ada risiko yang perlu dihadapi. Dalam memastikan kelancaran proses akademik bagi para pelajar, proses kenal pasti risiko telah dilakukan dan tindakan telah diambil pihak APB. Proses kenal pasti risiko yang telah dijalankan oleh APB bagi memastikan kecemerlangan dan kebajikan para pelajar adalah melalui perjumpaan “mentor-mentee” antara penasihat akademik dan para pelajar. Para penasihat akademik telah berjumpa dengan para pelajar dan telah mengadakan soal jawab dan telah mendapat maklum balas daripada para pelajar berkenaan pencapaian akademik mereka. Hal ini perlu dan telah diambil perhatian oleh pihak APB dan para pensyarah melalui pemantauan kedatangan para pelajar sepanjang minggu akademik. Selain daripada itu, para pelajar juga ada juga berkemungkinan menghasilkan hasil kerja atau tugas penulisan plagiat. Oleh yang demikian, para pensyarah APB telah dimaklumkan akan penggunaan perisian “TurnItIn”. Melalui perisian ini, para pensyarah telah memastikan hasil kerja dan tugas para pelajar dapat dielakkan daripada di plagiat.

Tambahan pula, dalam memastikan keterlibatan para pelajar dalam program pengantarabangsaan, AOB telah melantik para pensyarah seperti penasihat kelab dan KPP sebagai pegawai yang memantau kelancaran program berkenaan seperti latihan industri ke luar negara (outbound) dan Asian English Olympics (AEO). APB juga telah menjalankan program Finishing School. Program ini adalah bertujuan mempersiapkan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dan dijangkakan oleh pihak industri. APB telah menjemput pegawai-pegawai daripada industri seperti Patriots Publishing Sdn. Bhd, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Alumni Look East Policy (ALEPS) and Foster Training and Consultancy dengan mengadakan sesi perkongsian melalui program Finishing School dalam Modul Pembangunan Kerjaya.

APB juga telah mengenal pasti kemungkinan risiko dari segi kesejahteraan dan kebajikan para pelajar. Seperti yang diketahui, para pelajar tahun akhir perlu menulis penulisan akademik bagi projek tahun akhir. Para pelajar berkemungkinan perlu menjalankan kajian lapangan diluar kawasan. Sehubungan dengan itu, APB telah menyediakan satu borang (Borang Permohonan Kajian Lapangan) yang perlu diisi oleh para pelajar sebelum menjalankan kajian lapangan. Borang tersebut mempunyai tarikh kajian lapangan dan para pelajar perlu menjalankan kajian lapangan dalam jangka masa yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh pensyarah yang terlibat. Ini adalah salah satu proses kenal pasti risiko yang telah diambil oleh pihak APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_A01_AB04_AC02_20241_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB04_AC02_20242_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB04_AC02_20243_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB04_AC02_20244_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_4.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB04_AC02_20245_KRITERIA 4 PEMANTAUAN AKNC2023_5.pdf](#)

4.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setiap program yang dijalankan oleh PTJ perlu mengambil langkah untuk penambahbaikan setelah program tersebut selesai. Oleh yang demikian, bagi memastikan para pelajar mencapai kecemerlangan maksimum, APB telah menjalankan proses mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan kursus/program dengan menjalankan post-mortem pada setiap akhir semester. Selain itu, APB juga telah menjalankan central marking atau moderation bagi setiap kursus yang ditawarkan. Hal ini adalah kerana maklum balas daripada pensyarah berkenaan sangatlah penting bagi menambahbaik kandungan dan penilaian kursus supaya para pelajar dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih jelas dan bermanfaat bagi mereka.

Dalam memperkasa program-program yang melibatkan pengantarabangsaan para pelajar di mata dunia, APB telah mengkaji dan menjalankan tindakan penambahbaikan dengan mendapatkan maklum balas daripada para pelajar yang terlibat melalui laporan-laporan program yang telah dijalankan. Hal ini adalah sangat diperlukan bagi memastikan para pelajar dan juga APB dapat belajar dan menambah baik proses perjalanan program pada masa akan datang. APB juga perlu menganalisa dapatan yang telah dikumpul melalui Google Form pada akhir program yang telah dijalankan.

Program-program yang melibatkan kebajikan dan kesejahteraan para pelajar juga perlu dikaji dan ditambah baik bagi melancarkan lagi proses-proses yang terlibat. Dalam memastikan program-program kebajikan dan kesejahteraan para pelajar berjalan dengan lancar, APB telah mewar-warkan keperluan sumbangan bagi setiap kes yang berlaku seperti kemalangan, kematian dan projek-projek berkongsi rezeki dikalangan para pensyarah kepada para pelajar. Tambahan pula, penambahbaikan juga telah dijalankan dengan mewar-warkan kepada warga APB bahawa sumbangan yang telah diberikan telah sampai kepada mereka yang terlibat dan memerlukan. Laporan-laporan daripada setiap program yang dijalankan melalui media sosial atau laporan bertulis adalah salah satu cara APB dalam mengkaji dan menambah baik setiap program yang telah dan akan dijalankan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_A01_AB04_AC03_20241_APB_AKNC2023_K4_4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB04_AC03_20242_APB_AKNC2023_K4_4.4.3.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB04_AC03_20243_APB_AKNC2023_K4_4.4.3.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB04_AC03_20244_APB_AKNC2023_K4_4.4.3.4.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB04_AC03_20245_APB_AKNC2023_K4_4.4.3.5.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengukuran dan analisis data sangat penting kepada sesebuah organisasi. Dalam konteks ini, HEP APB mengamalkan pengumpulan data dari setiap program yang dijalankan secara teratur. Setiap data dikumpulkan mengikut kelas dan persatuan serta maklumat pengendalian program oleh pihak Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) menggunakan Google Drive (GD)(Bukti 4.5.1). Di dalam setiap data ini mengandungi minit-minit mesyuarat pascanilai, laporan program, gambar, surat kelulusan dan sebagainya yang berkaitan. Semua ini merupakan data yang boleh diukur dan menilai keberkesanan sesebuah program.

Selain itu, mesyuarat berkala dan semasa juga dilakukan dalam kalangan staf HEP APB dalam merancang aktiviti Perancangan Strategik, iaitu program-program yang perlu dilaksanakan(Bukti 4.5.2). Pembudayaan ini sangat bagus kerana Perancangan Strategik yang dirancang itu telah tercapai lebih awal. (Bukti 4.5.3). Hal ini sangat penting kerana ia merujuk pencapaian universiti dan sekaligus menambah pencapaian yang terbaik dalam bidang tumpuan untuk APB. Namun, pembudayaan ini masih perlu dilakukan dengan penambahbaikan tertentu, terutamanya penyediaan suatu pusat pengumpulan data yang mampu menyimpan pelbagai data berbanding GD sahaja.

Selain itu, HEP APB perlu memanfaatkan dan membudayakan pengukuran dan analisis bagi tujuan penambahbaikan dan perbincangan perancangan strategik. Program yang dirancang mestilah memberi impak bukan sekadar PTJ sahaja, namun juga menitikberatkan program pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Bukti 4.5.4). Para pelajar juga boleh digalakkan untuk mengemukakan program berdasarkan geran yang diperuntukkan oleh organisasi luar yang bersesuaian. HEP APB juga boleh mengetengahkan sesi perkongsian ilmu penganjuran program peringkat luar UiTM dan pengantarabangsaan.

Oleh itu, HEP APB perlu mewujudkan suatu paparan atau Dashboard HEP untuk kegunaan ahli pengurusan PTJ. Meskipun, terdapat sistem yang telah diperkenalkan oleh BHEP, namun setiap PTJ boleh menyediakan suatu sistem yang mampu mengetengahkan semua maklumat yang boleh dicapai secara fleksibel (di mana jua dan tanpa mengira masa) di samping pendigitalan dokumen telah mula diterima sebagai suatu penjimatan kos.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_A01_AB05_20241_APB-AKNC2023_K4_4.5.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB05_20242_APB_AKNC2023_K4_4.5.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB05_20243_APB_AKNC2023_K4_4.5.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB05_20244_APB_AKNC2023_K4_4.5.4.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Sumber Manusia Akademi Pengajian Bahasa (APB) bagi Pembangunan Pelajar telah memainkan peranan yang penting dalam membantu kelancaran pelbagai aktiviti dan program yang dijalankan oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP) APB agar dapat memenuhi Falsafah Pembangunan Mahasiswa yang lebih cemerlang. Bagi memastikan tenaga kerja dapat diuruskan dengan lebih cekap dan optimum, sesebuah organisasi haruslah memberi penekanan kepada perancangan (**Plan**), pelaksanaan (**Do**), pemantauan (**Check**) dan penambahbaikan (**Act**) berkaitan Bidang Tumpuan (BT) sumber manusia.

Daripada 11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan yang telah disusun oleh APB, BT Sumber Manusia termasuk dalam hasil utama **KESEJAHTERAAN**. Dalam hasil utama ini, terdapat tiga **strategi perancangan (Plan)** yang berkaitan dengan BT sumber manusia bagi Pembangunan Pelajar iaitu:

- 1) **APB-SISWASUKMA** (Akademik dan Komuniti)
- 2) **APB-SISWAWIJAYA** (Kerjaya)
- 3) **APB-SISWABIZ** (Keusahawanan dan Inovasi)

Strategi **perancangan (Plan)** untuk **APB-SISWA SUKMA** adalah untuk mengintegrasikan pendidikan akademik dengan pengabdian kepada masyarakat. Mahasiswa tidak hanya belajar di dalam bilik kuliah, tetapi turut mengaplikasikan pengetahuan mereka untuk menyelesaikan masalah praktikal dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat sekitar. Seterusnya, strategi perancangan **APB-SISWAWIJAYA** memainkan peranan dalam memberi sokongan untuk pembentukan karakter serta pembangunan kerjaya mahasiswa dengan menyediakan pembelajaran praktikal, peluang kerjaya, dan pembinaan kemahiran yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja dengan keyakinan. Manakala strategi perancangan yang terakhir dalam BT sumber manusia ini ialah **APB-SISWABIZ** yang mana dapat membangkitkan kreativiti, inovasi, dan keusahawanan dengan memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan idea perniagaan baru dan melaksanakannya dalam konteks sebenar

Bagi merealisasikan ketiga-tiga strategi yang telah dibincangkan di atas, terdapat pelbagai **pelaksanaan (Do)** aktiviti telah diadakan. Dalam APB-SISWASUKMA, terdapat dua aktiviti yang telah berlangsung iaitu UNGA: United Nations General Assembly dan Youth Empowerment Series (Y.E.S) 2.0. Dalam perancangan APB-SISWAWIJAYA pula, antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah Program Perkongsian Ilmu Mobiliti luar negara (Latihan Industri) LG242, Jom Kenali Kerjaya Anda dan Masterful Minds: A career in copywriting 2023. Sementara bagi perancangan APB-SISWABIZ, aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah Sell that thing 2.0: Innovative Pitching, Penjualan dan Penghasilan T-Shirt dan Pesta Jualan Warisan: bertemakan Melayu Klasik.

Selepas pelaksanaan pelbagai aktiviti dalam program-program tersebut, pihak pengurusan APB telah melaksanakan **pemantauan (Check)** untuk menilai kesan dan keberkesanan program-program yang telah dijalankan. Pemantauan setiap aktiviti pelajar dan staf dibuat melalui pelaporan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Staf Akademik** dan **Mesyuarat PPSM**. Kepuasan hati turut dilihat melalui pemantauan terhadap **Pengoperasian Pengajaran dan Pembelajaran** berperingkat seperti penambahbaikan dan pengubahsuaian fasiliti. Selain itu, Kegembiraan dan kepuasan hati Staf APB (Akademik & Pentadbiran) dapat dilihat dalam **Laporan Infografik Happiness Index**.

Akhir sekali, bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang lebih kondusif supaya pelbagai program dan aktiviti staf akademik dan pentadbiran bersama para pelajar dapat berjalan dengan lancar, beberapa usaha penambahbaikan (Act) telah dijalankan. **Pelaksanaan Majlis Amanat Dekan 2023 dan Mesyuarat Akademik** diadakan bagi membincangkan

perkara berbangkit dan masalaian yang dihadapi. APB turut memperkenalkan **E-Buletin Lingua Phoria APB** untuk berkongsi segala aktiviti dan pencapaian staf akademik dan pentadbiran bersama dengan pelajar-pelajar.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Beberapa kaedah pengurusan sumber manusia yang strategik, sistematik dan berstruktur telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan APB UiTM Shah Alam. Ini bertujuan agar kaedah-kaedah ini dapat menjayakan pengurusan dan pembangunan pelajar terutamanya pelajar-pelajar APB.

Aspek pengambilan staf akademik mahupun staf sokongan adalah perkara yang sangat penting agar jumlah staf dapat menampung keperluan Akademi dalam menjayakan BT. **Manual Pelan Strategik Perancangan Sumber Manusia UiTM 2021-2025** merupakan asas buat pihak pengurusan APB bagi membuat perancangan dalam pengambilan staf yang lebih berstruktur dan bersistematik. Bagi pengambilan staf pentadbiran, permohonan dibuat menggunakan tempat **Anggaran Belanjaan Mengurus (ABM)** manakala bagi pensyarah akademik pula akan dimohon menggunakan **template keperluan pensyarah** atau permohonan penggantian/tambahan pensyarah. Dengan wujudnya template pengambilan staf ini, pihak pengurusan APB dapat memohon keperluan staf dengan lebih berstruktur dan efisien agar pengambilan staf diambil kira dari aspek kualiti, kepakaran, pengalaman dan kecekapan dalam masa yang sama membantu dalam menjayakan BT.

Selain itu, pelbagai latihan berasaskan **akademik, penyelidikan** dan juga **pentadbiran** serta kursus pembangunan staf telah dilaksanakan di peringkat APB dan juga di luar/ILD. Ini bagi memastikan kesemua warga APB termasuk staf akademik dan staf pentadbiran diberikan latihan dan kemahiran sewajarnya bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka untuk menjayakan BT.

Bagi memastikan agar warga kerja APB dapat meningkatkan dan memperbaiki prestasi mereka dalam menjayakan pengurusan dan pembangunan pelajar, penilaian prestasi tahunan telah dilaksanakan kepada staf akademik dan juga staf pentadbiran. Berdasarkan prestasi dan kejayaan mereka, pelbagai pengiktirafan dan penghargaan telah diberikan agar warga APB kekal bermotivasi untuk mencapai kecemerlangan dalam BT.

Salah satu strategi atau aktiviti penghargaan yang telah dilaksanakan di peringkat APB **adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**. Terdapat seramai 22 penerima APC dikalangan warga APB bagi tahun 2023. Mereka telah dianugerahkan APC diatas kecemerlangan dan prestasi mereka dalam bidang kerja berkaitan. **Majlis Apresiasi Akademi Pengajian Bahasa 2023** juga telah dilaksanakan pada awal tahun 2024 bagi menghargai dan menekankan motivasi dan dedikasi warga APB terhadap keseluruhan kualiti perkhidmatan dalam jabatan. Kebersamaan, disiplin dan pencapaian warga APB yang telah bekerja dengan penuh dedikasi untuk menjadikan UiTM sebagai universiti yang unggul menunjukkan tiga nilai utama UiTM iaitu *Excellence, Synergy and Integrity*.

Majlis Apresiasi Pensyarah-Pensyarah serta Staf Sokongan bagi Program LG240 juga telah dilaksanakan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pensyarah-pensyarah program LG240 yang baru bersara, sedang berkhidmat dan juga staf sokongan. Pensyarah-pensyarah ini telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dan cemerlang dalam pelbagai aspek iaitu akademik, penerbitan dan kemasyarakatan. Staf sokongan juga telah memberikan sokongan yang padu demi kejayaan program LG240. Anugerah-anugerah ini diharapkan dapat memberi motivasi dan sebagai pemangkin untuk warga APB lain untuk mencapai kecemerlangan juga.

Akhir sekali, keperluan dana penyelidikan amat penting dalam pelaksanaan mana-mana penyelidikan. Justeru, pemberian **geran dalaman; Geran Inisiatif Akademi Pengajian Bahasa (GIA)** kepada warga kerja APB telah membantu untuk para penyelidik serta pensyarah APB untuk meningkatkan motivasi mereka dalam melaksanakan pelbagai penyelidikan berkaitan bidang dan kepakaran mereka disamping membantu dalam pencapaian PI APB.

Secara kesimpulannya, kaedah-kaedah perancangan pihak pengurusan sumber manusia yang lebih strategik, sistematik dan berstruktur yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan APB telah membantu dalam menjayakan BT.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_S01_SB02_20241_APB_AKNC2023_K5_5.2.1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB02_20242_APB_AKNC2023_K5_5.2.2.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB02_20243_APB_AKNC2023_K5_5.2.3.pdf](#)
4. [F0048_S01_SB02_20244_APB_AKNC2023_K5_5.2.4.pdf](#)
5. [F0048_S01_SB02_20245_APB_AKNC2023_K5_5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pihak pengurusan Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Shah Alam telah mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan pengurusan dan pembangunan pelajar. Ini dapat dilihat daripada pelbagai inisiatif/program yang telah memberi manfaat kepada warga kerja APB, pelajar, komuniti serta industri.

Antara saluran penting bagi membincangkan aspek pengurusan dan pembangunan pelajar adalah melalui mesyuarat staf akademik yang dilaksanakan sebanyak dua kali setahun. Pensyarah serta wakil dari staf pentadbiran APB membincangkan aspek kepimpinan dan pengurusan antara staf dan pihak pengurusan APB selain pembentangan pencapaian terkini APB. Kehadiran pensyarah dan staf pentadbiran penting agar kepakaran staf dapat dioptimalkan dalam bentuk pandangan untuk penambah-baikkan Akademi dalam pengurusan dan pembangunan pelajar.

Antara BT yang telah menggunakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia adalah dari aspek **KESEJAHTERAAN**. Terdapat beberapa inisiatif/program yang telah dilaksanakan dengan kerjasama pelajar APB dan warga komuniti. Inisiatif serta program-program ini terdiri daripada aktiviti pembangunan dan kerjaya pelajar, program inovasi dan keusahawanan pelajar serta sumbangan dan bantuan pelajar.

Salah satu program pembangunan pelajar adalah *Youth Empowerment Series (Y. E. S) 2.0* yang telah dianjurkan oleh Sekretariat Mahasiswa Fakulti Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB) dengan kerjasama HEP APB, bertujuan untuk menggalakkan pembangunan holistik disamping membantu pelajar mengasah kemahiran tersendiri. Program tersebut adalah untuk mencapai **Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK)** (emosi dan intelektual) serta **Globally Marketable 2023 Pillars (GMP): *Turning Globally Marketable Student & Highly Involved Industry and Community***. Staf akademik dan pentadbiran yang mempunyai kepakaran telah dilantik sebagai jawatankuasa tertinggi program bagi membantu menjayakan BT.

Program *Masterful Minds: A Career in Copywriting 2023* merupakan program dibawah kerjaya pelajar dan dianjurkan oleh English Cultural Society (ECLIPSE) dengan kolaborasi HEP APB, komuniti, alumni dan industri bagi mendapatkan pengetahuan dan pembangunan kemahiran insaniah. Terdapat perkongsian prospek kerjaya sebagai graduan kursus Bahasa Inggeris bersama pakar industri serta terjalinnya hubungan rangkaian antara mahasiswa APB. Kepakaran staf akademik sebagai penasihat digunakan dalam menjayakan program ini.

Sell That Thing 2.0: Innovative Pitching merupakan sebuah forum (PI037) yang dianjurkan oleh English Cultural Society (ECLIPSE) dengan kolaborasi bersama HEP APB, alumni dan industri yang bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa APB kepada ilmu pemasaran melalui kaedah 'sales pitching'. Program ini telah menggunakan kepakaran dua pensyarah APB yang berpengalaman iaitu Puan Maisarah binti Ahmad Kamil, serta Puan Nabila Eizati binti Komarudin.

Aspek kepakaran dan pencapaian warga APB juga dapat dibuktikan melalui jumlah perjanjian MoU/MoA bersama industri, komuniti dan universiti yang diperoleh di peringkat negara dan antarabangsa. Sebagai contoh, perjanjian MoU (antarabangsa) bersama *Beijing Foreign Studies University* dan perjanjian MoA (antarabangsa) bersama *Chiang Mai Rajabhat University, Thailand* membuktikan bahawa kepakaran warga APB dalam bentuk ilmu dan pengalaman dapat dikongsikan bersama-sama agar kedua-dua pihak dapat meningkatkan pengetahuan dan kepakaran mereka.

Terdapat pensyarah-pensyarah APB yang menerima lantikan luar seperti sebagai Felo Akademik Kanan serta Pemerika Luar. Ada juga pensyarah yang diundang sebagai pensyarah undangan bagi berkongsi kepakaran dan pengetahuan mereka dalam bidang berkaitan. Ini membuktikan bahawa kepakaran warga APB terutamanya warga akademik relevan dan

upatung tinggi oleh pihak luar.

Kesimpulannya, inisiatif serta program yang telah dilaksanakan membuktikan bahawa pihak pengurusan APB telah mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan BT.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB03_20241_APB_AKNC2023_K5_5.3.1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB03_20242_APB_AKNC2023_K5_5.3.2.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB03_20243_APB_AKNC2023_K5_5.3.3.pdf](#)
4. [F0048_S01_SB03_20244_APB_AKNC2023_K5_5.3.4.pdf](#)
5. [F0048_S01_SB03_20245_APB_AKNC2023_K5_5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja dapat memberi gambaran berkaitan keberkesanan operasi yang dijalankan di APB. Kepuasan hati ini bukan hanya diukur kepada warga APB sahaja malahan kepada pelajar-pelajarnya. Dalam memastikan tahap kepuasan hati staf dan pelajar sentiasa berada pada tahap yang baik dan memuaskan, APB sentiasa menitikberatkan dan cakna setiap aduan yang dikemukakan oleh warganya. Bahagian pengurusan APB percaya dengan mengukur tahap kepuasan hati dan mengambil kira aduan daripada sumber manusia dapat menambahbaik tahap perkhidmatan yang diberikan.

Pemantauan setiap aktiviti pelajar dan staf dibuat melalui pelaporan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Staf Akademik** yang dijalankan secara berkala untuk memastikan aktiviti-aktiviti tersebut menjurus kepada KPI universiti. Mesyuarat PPSM juga merupakan mekanisma untuk memantau staf yang terlibat dengan program latihan di peringkat dalaman dan luar universiti yang menjurus kepada penglibatan aktiviti pelajar.

Selain itu, kepuasan hati turut dilihat melalui pemantauan terhadap **Pengoperasian Pengajaran dan Pembelajaran** berperingkat seperti penambahbaikan dan pengubahsuaian fasiliti seperti kelajuan internet, kesediaan dan kemudahan hybrid (platform hybrid, kualiti kamera dan mikrofon), bilik kegiatan pelajar, fasiliti oku dan komuniti mesra oku. Pihak pengurusan amat mengambil berat terhadap kepuasan dan keluhan dari pelajar dan staf melalui aduan yang boleh dibuat melalui saluran email, Whatsapp dan telefon. Aduan ketidakpuasan hati oleh staf yang dibincangkan akan dicatatkan dalam Mesyuarat Jabatan, Mesyuarat Pentadbiran dan juga sesi *Townhall* bersama Dekan yang diadakan pada setiap awal dan akhir semester untuk semua staf akademik dan pentadbiran.

Secara keseluruhan, kegembiraan dan kepuasan hati Staf APB (Akademik & Pentadbiran) dapat dilihat dalam **Laporan Infografik Happiness Index** yang menunjukkan tren pencapaian pada tahap yang berbeza. Ini sedikit sebanyak dapat membantu APB memantau tahap kepuasan hati staf terhadap persekitaran dan sistem kerja yang ada serta membantu mempertingkatkan lagi **Happiness Index** di kalangan warganya dari masa ke semasa. Ini sebagai langkah untuk memastikan produktiviti kerja dapat dipertingkatkan dengan wujudkan tahap kepuasan yang lebih baik.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_S01_SB04_SC01_20241_APB_AKNC 2023_K5_5.4.1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB04_SC01_20242_APB_AKNC 2023_K5_5.4.1_2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

APB melaksanakan sistem pengawalan risiko yang sistematik dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu aktiviti pengurusan terutama di bahagian Sumber Manusia. Pengurusan Risiko APB dilaksanakan secara efektif dan efisien demi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya yang melibatkan sistem pembelajaran dan pengurusan pelajar. Penubuhan Jawatankuasa dan pelantikan ahli Pengurusan Risiko di kalangan Staf Pentadbiran dan Akademik telah banyak membantu menangani isu yang berkait dengan cabaran dan risiko dalam memastikan sistem kerja dan fungsi jabatan berjalan dengan baik. Unit Pengurusan Risiko APB sentiasa memantau dan menyemak pengurusan risiko setiap enam (6) bulan bagi memastikan impak dan tahap risiko dapat dikurangkan.

APB telah mengenal pasti jenis dan tahap risiko, pelan tindakan kawalan risiko serta perancangan untuk mengatasinya yang didaftarkan dalam **sistem eRMS 2023**. Dalam hal ini, pengurusan APB telah melaksanakan langkah proaktif/pencegahan bagi menangani tahap risiko yang ada seperti memberi taklimat khusus berkaitan aspek keselamatan kepada pelajar dan pengiring semasa menjalankan Program Mobiliti pelajar. Ini bertujuan mengurangkan risiko berlakunya kecederaan/kemalangan semasa menjalankan program. Taklimat kepada pelajar Sarjana Muda (semester akhir) tentang pengajian di peringkat Pascasiswazah turut dilakukan dengan mempelawa calon pelajar dari rakan MOU/MOA fakulti untuk tujuan mempromosikan Program Pascasiswazah yang sedia ada.

Bagi menjamin pengoperasian pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap optimum, perancangan untuk mendapatkan sumbangan daripada industri dan alumni turut dibuat dalam usaha menambah baik fasiliti pelajar. Perbincangan bersama pengurusan eksekutif berkenaan peruntukan dana pembelian peralatan secara berperingkat di fakulti turut dilakukan selain mengedarkan borang soal selidik untuk mengetahui tahap kepuasan pelajar terhadap penambahbaikan yang dilakukan.

Dalam isu pemberian bantuan kepada pelajar yang ingin menjalankan perniagaan, pihak pengurusan juga turut mengenal pasti Industri yang berdaftar dengan APB melalui MOU/MOA untuk mendapatkan geran melatih keusahawanan pelajar. Antara lain pelan kawalan yang dilakukan ialah dengan menggalakkan konsultasi berkala antara pelajar dan penyelia, mengadakan bengkel penyeliaan untuk penyelia bagi meningkatkan kemahiran penyeliaan serta mengadakan kursus berkaitan dengan kemahiran penyelidikan untuk pelajar. Bengkel penyeliaan untuk penyelia turut diadakan bagi meningkatkan kemahiran penyeliaan selain mengadakan kursus berkaitan dengan kemahiran penyelidikan untuk pelajar. Dalam aspek pengurusan staf, perancangan mewujudkan pelan penggantian yang mantap dan disemak secara berkala dilakukan bagi menangani isu ketiadaan kesinambungan kepimpinan/pengurusan (Pentadbir Akademik).

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB04_SC02_20241_APB_AKNC_2023_K5_5.4.2_1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB04_SC02_20242_APB_AKNC_2023_K5_5.4.2_2.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB04_SC02_20243_APB_AKNC_2023_K5_5.4.2_3.pdf](#)
4. [F0048_S01_SB04_SC02_20244_APB_AKNC_2023_K5_5.4.2_4.pdf](#)
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantapan suasana kerja yang kondusif untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat amat perlu dalam meningkatkan kepuasan hati staf dan pelajar selain dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta keberkesanan perancangan dan pelaksanaan kawalan risiko. Bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang lebih kondusif, pengurusan APB telah melaksanakan beberapa perkara seperti:

- **Pelaksanaan Majlis Amanat Dekan 2023** yang menjurus kepada penyampaian maklumat berkaitan matlamat serta hala tuju APB khususnya berkaitan Pelan Strategik yang dijalankan. Selain itu, penerangan tentang aspek penerapan budaya kerja yang positif dan berorientasikan prestasi turut diperjelaskan.
- Setiap awal semester, APB melaksanakan **Mesyuarat Akademik** yang wajib dihadiri oleh semua staf. Mesyuarat ini menjadi salah satu medan untuk staf mengetahui maklumat berkaitan pencapaian APB, mengusul pendapat atau pandangan, mengutarakan masalah yang dihadapi di samping mewujudkan suasana serta persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif dalam pertemuan yang diadakan.
- Selain itu, segala maklumat dan info berkaitan aktiviti staf serta pencapaian yang diperolehi sentiasa disebarluaskan dan dibuat makluman dalam email rasmi APB, media sosial APB dan juga di dalam **E-Buletin Lingua Phoria APB**. Penyebaran maklumat sebegini sedikit sebanyak akan dapat memupuk kesedaran dan memberi semangat kepada seluruh warga APB terutamanya dalam meningkatkan lagi kualiti kerja dan dapat bersaing dalam suasana kerja yang lebih baik.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB04_SC03_20241_APB_AKNC_2023_K5_5.4.3.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB04_SC03_20242_APB_AKNC_2023_K5_5.4.3_1pdf.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB04_SC03_20243_APB_AKNC_2023_K5_5.4.3_2pdf.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Buat pertama kalinya, **E-Buletin Lingua Phoria APB** telah diperkenalkan dalam kalangan warga APB pada tahun 2023 semasa Sambutan Jubli Emas APB50. Unit Komunikasi Korporat APB telah menerbitkan e-buletin isu 1, 2 dan 3 untuk tahun 2023. E-buletin ini memaparkan himpunan kisah-kisah kejayaan, kecemerlangan dan jaringan kerjasama warga APB sepanjang tahun 2023.

Selain itu, terdapat juga penambahbaikan yang dilakukan di sekitar kelas-kelas di Kenanga 2, 3 dan 4. Pihak pengurusan APB ada meletakkan kerusi di kawasan Kenanga untuk keselesaan para pelajar. Penapis air Coway dan penjualan makanan untuk sarapan dan snek-snek juga turut dijual.

Pihak pengurusan APB sentiasa memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia iaitu kepada pelajar dan staf dengan pelbagai cara. **Majlis Anugerah Dekan untuk semester Oktober 2022-Februari 2023** telah dianjurkan oleh Sekretariat Mahasiswa Fakulti Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB) pada 14 Jun 2023 di Anjung Seri Budiman (Dewan Annex). Majlis tersebut dihadiri oleh Yang Berusaha Ts. Dr. Janudian Sardi selaku Dekan APB, ahli Pengurusan Tertinggi dan para pensyarah. Seramai 373 pelajar telah mendapat anugerah Dekan pada semester tersebut. Selain itu, APB turut meraikan pelajar-pelajar yang menunjukkan kemahiran kepimpinan di bawah kelab-kelab pelajar seperti SMFAPB, Applied Language Society (APPLES), Persatuan Bahasa Melayu Komunikasi Profesional (BMKP), Bahasa Arab Komunikasi (PEBAKOM) dan English Cultural Society (ECLIPSE) ketika **Majlis Anugerah Tokoh Kepimpinan APB 2022/2023**.

Lebih membanggakan, terdapat seorang pelajar dari program *Bachelor Applied Language Studies (Hons) Arabic Language for Professional Communication* iaitu Nur Zatil Husna Zaharullai telah dianugerahkan **Anugerah Cemerlang Pingat Emas Tun Fatimah Haji Hashim**. Beliau dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah Graduan Terbaik 2022 semasa persidangan Konvokesyen kali ke-97.

Staf Akademik APB juga turut diberi penghargaan dan pengiktirafan. **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2022** telah dianugerahkan kepada seramai 22 orang staf akademik yang terpilih. Selain itu, tidak dilupakan juga kepada pensyarah yang telah tamat berkhidmat. **Staf Appreciation and retirement Ceremony** telah diadakan pada Ogos 2023 oleh pensyarah-pensyarah yang mengajar program LG240 di Wyndham Acmar Hotel, Klang untuk meraikan pensyarah yang telah tamat perkhidmatan mereka.

Seterusnya, Pengurusan Akademik Cemerlang 2022 UiTM telah menganugerahkan **Anugerah Emas Kategori Entiti Akademik** kepada APB. Pada 25-27 Oktober 2023, Mesyuarat Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bersama Timbalan Rektor (Akademik), Timbalan Dekan (Akademik), Penolong Rektor, Ketua Pengajian dan Penolong Pendaftar (Akademik) atau META kali ke-25 telah berlangsung di Hotel Adya, Langkawi. Anugerah ini telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) iaitu Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman.

Akhir sekali, APB sentiasa mengadakan **Jamuan Sambutan Hari Raya** bagi meraikan kegembiraan meraikan Hari Raya aidilfitri untuk seluruh warga APB. Sambutan akan diadakan di perkarangan APB dengan mengekalkan tema raya UiTM iaitu Nostalgia Filem P. Ramlee. Majlis ini telah dihadiri oleh pelajar dan staf APB, pesara, alumni dan rakan-rakan dan rakan-rakan kerjasama APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB05_20241_APB_AKNC2023_K5_5.5.1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB05_20242_APB_AKNC2023_K5_5.5.2.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB05_20243_APB_AKNC2023_K5_5.5.3.pdf](#)

4. [F0048_S01_SB05_20244_APB_AKNC2023_K5_5.5.4.pdf](#)
5. [F0048_S01_SB05_20245_APB_AKNC2023_K5_5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

APB telah memilih Pengurusan dan Pembangunan Pelajar sebagai bidang tumpuan (BT) yang memfokuskan kepada aktiviti dari segi akademik, kesejahteraan and tanggungjawab sosial pelajar. Pemilihan BT ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai aspirasi kecermelangan global seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Pelan Strategik Uitm 2020-2025. Pelan-pelan tersebut adalah dengan tujuan untuk mencapai hasrat UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025. Justeru itu, APB telah merancang pelbagai operasi bagi mencapai tiga (3) hasil utama yang disasarkan iaitu dari segi **Akademik dan Pengantarabangsaan; Hasil Pencapaian Strategi, dari segi Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar; Hasil Tumpuan Sumber Manusia**, dan dari segi **Tanggungjawab Sosial dan Komuniti; Hasil Operasi**. Kesemua hasil tersebut diterjemahkan melalui perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan berterusan.

Perancangan APB bagi mencapai 3 hasil utama yang disasarkan telah dibahagikan kepada sub-hasil berkaitan yang lebih teliti dan terperinci dan seterusnya selari dengan strategi perancangan yang dirancang. Dari sub-hasil tersebut, beberapa program telah dirancang yang bersesuaian and selari dengan strategi perancangan sedia ada. **Perluasan** program-program tersebut dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang. Model Plan, Do, Check, Act (PDCA) digunakan untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam setiap aktiviti dan program berkaitan akademik, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, tanggungjawab sosial, dan komuniti.

Pihak pengurusan APB memastikan semua program akademik dan pengantarabangsaan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, dan tanggungjawab sosial dan komuniti dipantau dengan teliti untuk mencapai objektif yang ditetapkan. **Pemantauan** ini memastikan operasi memberi impak positif kepada universiti, komuniti setempat, dan industri luar, serta membantu mencegah masalah berulang. Pemantauan program kesejahteraan pelajar dan tanggungjawab sosial dan komuniti dilakukan melalui laporan aktiviti, penglibatan pegawai BHEP dan penasihat program. Maklum balas peserta juga diambil kira. Bagi kecemerlangan akademik dan pengantarabangsaan, pemantauan melibatkan laporan aktiviti, pencapaian, dan proses penambahbaikan. Prestasi akademik dipantau dalam mesyuarat akademik yang dibuat pada awal semester dan melalui laporan CDL-CQI yang dibuat pada akhir semester. Tindakan **Kenal Pasti Risiko** melibatkan tindakan mengenalpasti, penilaian, dan mendaftar risiko-risiko yang boleh menghindar keberkesanan pelaksanaan operasi-operasi yang telah dirancang oleh APB. Tindakan ini dijalankan oleh Uni Pengurusan Risiko yang seterusnya akan merancang langkah kawalan yang perlu diambil bagi mengelakkan kejadian risiko tersebut. Seterusnya, tindakan **Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan** dilaksanakan. APB memastikan operasi BT selaras dengan strategi melalui kajian semula berkala, bengkel proses, dan dokumentasi refleksi. Pihak pengurusan menyemak pencapaian kualiti, prestasi, dan perancangan penambahbaikan menggunakan laporan dan analisis program. Untuk menangani isu-isu yang berbangkit, pihak pengurusan APB telah membuat penambahbaikan untuk pengurangan masalah. Antaranya, APB membina jaringan dengan institusi dan komuniti serta menggunakan media sosial untuk promosi, penambahan sukarelawan dan penubuhan biro-biro tertentu untuk kelancaran program dan pengurangan masalah.

Akhir sekali, bagi tujuan **Integrasi**, APB memastikan pembentukan pelajar tidak hanya mencakup aspek akademik, tetapi juga meliputi pengembangan holistik dalam berbagai dimensi kehidupan, termasuk bidang kepemimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan, dan kesedaran terhadap isu-isu global serta kelestarian alam.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses-proses utama yang dilaksanakan oleh APB bagi menjayakan BT Pengurusan dan Pembangunan Pelajar adalah dengan memfokuskan usaha kearah 3 hasil utama yang diterajui oleh HEA and HEP:

1. dari segi **Akademik dan Pengantarabangsaan; Hasil Pencapaian Strategi,**
2. dari segi **Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar; Hasil Tumpuan Sumber Manusia,**
3. dari segi **Tanggungjawab Sosial dan Komuniti; Hasil Operasi.**

Bagi mencapai hasil utama 1, pelbagai pengoperasian program akademik telah dirancang yang seiring dengan hala tuju universiti. Daripada itu, dua sub-hasil telah dirancang. Yang pertama adalah **Hasil Pencapaian Akademik**. Operasi yang dirancang dibawah sub-hasil tersebut adalah program **Pelajar GOT, ANC dan Gred 3.0 Above**. Sub-hasil yang kedua pula adalah **Hasil Program Peningkatan Kemahiran Pelajar**. Bagi sub-hasil tersebut, beberapa operasi telah dirancang. Yang pertama adalah **Program Pengantarabangsaan Pelajar** yang dilaksanakan melalui strategi perancangan **APB-Siswa Globali** yang bertujuan untuk mendorong pelajar untuk mengembangkan wawasan internasional, memahami keragaman budaya, dan berkontribusi dalam konteks global. Contoh aktiviti untuk operasi ini adalah Modern Language Olympiad (MLO 2.0). Kedua adalah **Program Kepimpinan Pelajar** melalui strategi perancangan **APB-Siswadiwara**. Ini adalah untuk mendorong perkembangan kepemimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti seperti Bengkel Pemimpin Siswa APB: Peneraju Masa Hadapan. Yang ketiga pula adalah **Program Kemahiran Insaniah** melalui strategi perancangan **APB-Siswa E-Sukan** yang bertujuan untuk mendorong penyertaan pelajar dalam pertandingan e-sukan untuk membangunkan kemahiran dalam permainan, strategi pasukan, dan pengurusan masa. Contoh aktiviti adalah Orchid 3.0 National E-Sports Challenge 2023. Selain itu, ia juga selaras dengan strategi perancangan **APB-Bakat Siswa** untuk menyokong pembangunan bakat pelajar dalam seni, muzik, dan lain-lain melalui aktiviti seperti Wirasa 2023.

Bagi mencapai hasil utama 2 pula, beberapa sub-hasil telah dirancang. Yang pertama adalah **Hasil Aktiviti Pembangunan dan Kerjaya Pelajar**. Operasi yang terlibat adalah **Program Pembangunan Pelajar** melalui strategi perancangan **APB-Siswa Sukma**. Operasi ini bertujuan untuk mengintegrasikan pendidikan akademik dengan pengabdian kepada masyarakat melalui aktiviti seperti Youth Empowerment Series (Y.E.S) 2.0. Selain itu, operasi kedua adalah **Program Kerjaya Pelajar** melalui strategi perancangan **APB-Siswa Wijaya**. Operasi ini adalah untuk memberi sokongan untuk pembentukan karakter serta pembangunan kerjaya mahasiswa. Salah satu aktiviti dijalankan adalah Masterful Minds: A Career in Copywriting 2023. Sub-hasil kedua adalah **Hasil Program Inovasi dan Keusahawanan Pelajar**. Ini melibatkan operasi seperti **Program Inovasi Pelajar** dan **Program Keusahawanan Pelajar** melalui perancangan strategi **APB-Siswa Biz** yang bertujuan bagi membangkitkan kreativiti, inovasi, dan keusahawanan pelajar dan melaksanakannya dalam konteks sebenar melalui aktiviti seperti Sell That Thing 2.0: Innovative Pitching. Yang terakhir adalah **Hasil Sumbangan dan Bantuan Pelajar** dimana **Program Bantuan Pelajar** dijalankan melalui strategi **Gerobok Rezeki dan Tabung Kebajikan Pelajar**.

Bagi mencapai hasil utama 3, sub-hasil pertama yang dirancang adalah **Hasil Program Kesukarelawanan**. Satu operasi telah dirancang iaitu **Program Kesukarelawanan** yang dijalankan melalui strategi perancangan **APB-Siswa Bakti**. Operasi ini bertujuan untuk membangunkan sikap kesukarelawanan, serta memperkuat hubungan antara institusi pendidikan dengan komuniti melalui aktiviti seperti Creativity Self-Care. Sub-hasil yang kedua pula adalah **Hasil Program Komuniti**. Sub-hasil ini dilaksanakan melalui strategi perancangan **APB-Siswa Lokaliti**. Operasi ini bertujuan untuk memupuk kesedaran sosial dan tanggungjawab dalam kalangan mahasiswa, serta memberi sumbangan positif kepada masyarakat setempat melalui aktiviti seperti Festival Altruisme APB 3.0.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_O01_OB02_20241_APB_AKNC2023_K6_6.2.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB02_20242_APB_AKNC2023_K6_6.2.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB02_20243_APB_AKNC2023_K6_6.2.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB02_20244_APB_AKNC2023_K6_6.2.4.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model Plan, Do, Check, Act (PDCA) digunakan oleh pihak pengurusan APB dalam melaksanakan operasi utama, dengan tujuan untuk mencapai penambahbaikan berterusan dalam setiap aktiviti dan program yang berkaitan dengan akademik dan pengantarabangsaan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, serta tanggungjawab sosial dan komuniti.

Fasa **Perancangan (Plan)** untuk program dan aktiviti kesejahteraan serta kebajikan pelajar APB dibuat berdasarkan Pelan Strategik Perancangan dan Pelaksanaan BHEP APB (Bukti 6.3.1), yang meliputi: **APB-SISWA BIZ** (Keusahawanan dan Inovasi), **APB-SISWA SUKMA** (Akademik dan Komuniti), dan **APB-SISWA WIJAYA** (Kerjaya). Perancangan ini dijadikan sebagai **Indeks Pencapaian atau "Performance Index" (PI)** bagi **pelaksanaan (Do)** program-program yang dijalankan. Antara program yang mencapai PI adalah **Program "Sell That Thing 2.0: Innovative Pitching"** yang tersenarai sebagai PI037 (*Number of Students Involved in Invention and Innovation*), dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa APB tentang ilmu pemasaran melalui kaedah 'sales pitching' (Bukti 6.3.2). Fasa **Pemantauan (Check)** terhadap pencapaian program-program kesejahteraan dan kebajikan pelajar dijalankan melalui maklum balas yang dikumpul daripada peserta program (Bukti 6.3.3.1). Laporan pencapaian tersebut dianalisis dan dibentangkan dalam mesyuarat. **Tindakan Penambahbaikan (Act)** diambil setelah maklum balas penyertaan dan dapatan post-mortem dianalisis (Bukti 6.3.3.2). Semua tindakan penambahbaikan dan pembetulan diputuskan dalam mesyuarat unit, bahagian, atau pengurusan atasan.

Pendekatan yang sama digunakan dalam pencapaian tanggungjawab sosial dan komuniti. **Perancangan** keberhasilan dalam bidang tanggungjawab sosial dan komuniti didaftarkan dalam Pelan Strategik Perancangan dan Pelaksanaan BHEP APB pada awal tahun. Perancangan dan **pelaksanaan** aktiviti sosial dan komuniti dijalankan untuk mengenal pasti program-program sosial dan komuniti, baik melalui peruntukan dalaman mahupun kolaborasi dengan pihak luar. Antara program sosial dan komuniti yang dijalankan adalah **"Festival Altruisme APB 3.0"** yang bertujuan untuk memberi peluang kepada sukarelawan berinteraksi dengan kanak-kanak OKU serta memberi pendedahan kepada peserta tentang organisasi-organisasi di Malaysia yang khusus untuk kanak-kanak OKU (Bukti 6.3.4). Pelaksanaan program-program sosial dan komuniti bermula dengan pelantikan dan pengambilan ahli jawatankuasa program dan sukarelawan. Pencapaian program-program ini **dipantau** melalui maklum balas yang diberikan oleh sukarelawan, yang dihantar melalui Google Forms. **Tindakan penambahbaikan** dibuat dalam mesyuarat bahagian, atau pengurusan atasan.

Perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti akademik dan pengantarabangsaan dibuat dengan teratur dan kerjasama semua pihak. Antara program akademik dan pengantarabangsaan yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah **"Modern Language Olympiad (MLO) 2.0"** dengan tujuan untuk mengasah kualiti kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar UiTM melalui program berbentuk pertandingan kebahasaan untuk menggalakkan komunikasi berkeyakinan dan berkesan peringkat global, membantu perkembangan pengantarabangsaan pemikiran pelajar dalam pelaksanaan program bahasa peringkat antarabangsa; dan memupuk kemahiran keusahawanan sebagai salah satu kemahiran yang perlu dimiliki oleh semua pelajar pada peringkat global. Program ini telah mencapai PI PI032- *Number of Students Participated in International Programme*. Program dan aktiviti sebegini **dipantau** melalui laporan aktiviti. Selain itu, mesyuarat unit, bahagian dan pengurusan atasan seperti mesyuarat ahli jawatankuasa program, mesyuarat dan mesyuarat staf akademik yang diadakan pada awal setiap semester, dilaksanakan sebagai langkah **penambahbaikan** (Bukti 6.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB03_20242_APB_AKNC2023_K6_6.3.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB03_20242_APB_AKNC2023_K6_6.3.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB03_20243_APB_AKNC2023_K6_6.3.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB03_20244_APB_AKNC2023_K6_6.3.4.pdf](#)
5. [F0048_O01_OB03_20245_APB_AKNC2023_K6_6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak pengurusan APB sentiasa memastikan setiap program dan aktiviti akademik dan pengantarabangsaan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, serta tanggungjawab sosial dan komuniti disemak dan dipantau dengan teliti untuk memastikan pelaksanaannya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Ini sangat penting bagi memastikan operasi yang dijalankan memberikan hasil yang memberi impak kepada universiti, komuniti setempat dan industri luar. Hasil pemantauan digunakan untuk kaji semula pengurusan bagi memastikan masalah sama tidak berulang.

Pemantauan program dan aktiviti kesejahteraan dan kebajikan pelajar dan tanggungjawab sosial dan komuniti dilakukan melalui hasil daripada **laporan aktiviti** yang disediakan oleh ahli jawatankuasa program selepas sesuatu program dilaksanakan (Bukti 6.4.1.1). Selain itu, **pegawai BHEP** juga melaksanakan pemantauan dengan menghadiri program-program akademik dan pengantarabangsaan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, serta tanggungjawab sosial dan komuniti (Bukti 6.4.1.2). **Penasihat dan ketua program** juga memainkan peranan dalam memantau sebelum, semasa, dan selepas pelaksanaan program dan aktiviti (Bukti 6.4.1.3.1). **Maklum balas yang diberikan oleh peserta** program dan aktiviti juga diambil kira dalam memantau hasil program dan aktiviti (Bukti 6.4.1.3.2).

Pemantauan kecemerlangan akademik dan pengantarabangsaan pelajar merangkumi aspek pelaporan aktiviti, pelaporan pencapaian dan pelaporan proses penambahbaikan yang diambil. Semua aktiviti yang menyokong pencapaian akademik pelajar diwajibkan untuk menghantar laporan aktiviti. Di samping itu, prestasi akademik pelajar dipantau melalui pelaporan di dalam **mesyuarat-mesyuarat** pengurusan seperti mesyuarat peringkat program, Mesyuarat Pengurusan Akademik, dan Mesyuarat Staf Akademik (Bukti 6.4.1.4). Pemantauan pencapaian akademik pelajar juga dibuat melalui laporan **CDL-CQI** (6.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_O01_OB04_OC01_20241_APB_AKNC2023_K6_6.4.1.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB04_OC01_20242_APB_AKNC2023_K6_6.4.1.2 .pdf](#)
3. [F0048_O01_OB04_OC01_20243_APB_AKNC2023_K6_6.4.1.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB04_OC01_20244_APB_AKNC2023_K6_6.4.1.4.pdf](#)
5. [F0048_O01_OB04_OC01_20245_APB_AKNC2023_K6_6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

APB mementingkan pengurusan risiko untuk melaksanakan proses operasi BT dalam usaha untuk mencapai objektif strategi yang telah ditetapkan. Ini kerana, tanpa pemantauan yang mencukupi, risiko-risiko ini berpotensi untuk menggagalkan atau mendatangkan insiden yang tidak diingini. Justeru itu, **Unit Pengurusan Risiko APB** ditubuhkan dibawah penyeliaan Bahagian Pentadbiran APB. Unit ini bertujuan untuk mengenalpasti, mendaftar dan memantau segala risiko yang berkaitan dengan proses utama APB.

Proses pengurusan risiko ini adalah berdasarkan **Modul Strategic Action Plan** dibawah **Pelan Strategik UiTM2025**. Modul ini memudahkan APB untuk merekod dan mendaftar risiko dan pelan mitigasi operasi-operasi yang dijalankan. Ia juga membolehkan APB untuk memantau status dan tahap risiko operasi bagi tujuan analisis dan pelaporan. **(Bukti 6.4.2.2)**

Proses bermula dengan mengenalpasti dahulu risiko-risiko yang bermungkinan akan berlaku sebelum, semasa atau selepas perancangan operasi bermula. Risiko-risiko tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan kebarangkalian ia boleh berlaku (**Likelihood of Occurance**) dan tahap impak akibat darinya (**Magnitude of Impact**). Setelah itu, risiko-risiko tersebut akan dikategorikan mengikut 4 tahap iaitu **Rendah, Sederhana, Tinggi dan Sangat Tinggi**. Langkah kawalan bagi mencegah terjadinya insiden juga dirancang. Kesemua data mengenai risiko tersebut didaftarkan ke sistem **e-RMS**. Pihak bertanggungjawab juga akan memantau sepanjang proses operasi bagi mengenalpasti risiko yang akan terjadi dan merancang langkah kawalan tambahan. **(Bukti 6.4.2.3)**

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti mengikut operasi yang dirancang boleh terdedah kepada risiko kegagalan. Contoh seperti kemungkinan berlakunya insiden kecederaan pelajar ketika menjalankan aktiviti yang dianjurkan. Risiko seperti ini akan dikenalpasti dan didaftarkan ke sistem e-RMS. Risiko yang dinyatakan dikategorikan sebagai Sederhana kerana mempunyai impak kepada keberkesanan sesuatu program kesukarelawan. Justeru itu, beberapa langkah kawalan bagi memastikan agar risiko tersebut dalam keadaan terkawal akan dirancang. Selain itu, contoh risiko lain seperti risiko kegagalan akibat dari kekurangan pencapaian GOT yang disasarkan oleh APB, kekangan kewangan dan sambutan pelajar dalam sesuatu aktiviti dan sebagainya.

Risiko keberhasilan **Akademik dan Pengantarabangsaan; Hasil Pencapaian Strategi, Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar; Hasil Tumpuan Sumber Manusia**, dan **Tanggungjawab Sosial dan Komuniti; Hasil Operasi** wajib dikenalpasti agar dapat mengelakkan ia menjadi punca kegagalan dalam mencapai hasil utama tersebut. Maka, risiko-risiko ini sentiasa dipantau melalui pelaporan dan mesyuarat bersama unit pengurusan dan pihak pentadbiran.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB04_OC02_20241_APB_AKNC2023_K6_6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB04_OC02_20242_APB_AKNC2023_K6_6.4.2.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB04_OC02_20243_APB_AKNC2023_K6_6.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

APB **sentiasa memastikan** operasi BT berupaya mencapai objektif strategi yang ditetapkan. Ini **dilaksanakan melalui kajian semula operasi** secara berkala. Pengurusan APB mengadakan bengkel untuk mengkaji semula proses dan hasil tumpuan operasi. Pihak pengurusan APB juga **membincangkan pencapaian objektif kualiti, prestasi proses dan perancangan penambahbaikan**. Dokumentasi refleksi dibuat untuk setiap program atau aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun. (Bukti 6.4.3.1) Data-data daripada **dokumentasi refleksi termasuk laporan program dan analisa program**, menjadi rujukan untuk perancangan penambahbaikan berterusan. Dalam laporan program, **masalah dikenal pasti dan proses penambahbaikan dicadangkan** oleh pihak pengurusan dan ahli jawatankuasa. (Bukti 6.4.3.2) Contohnya, untuk mengatasi masalah dalam menarik jumlah peserta yang mencukupi untuk menyertai program, pihak pengurusan APB harus **membina hubungan dan jaringan dengan institusi dan komuniti bahasa dalam dan luar negara** untuk mendapatkan sokongan dan pemahaman yang lebih baik tentang kepentingan program tersebut. Analisa program dibuat selepas program berakhir, di mana peserta kongsi pendapat dan cadangan mereka. Contohnya, **menggunakan platform media sosial untuk membuat promosi program** serta menarik minat lebih ramai mahasiswa untuk menyertai program. (Bukti 6.4.3.3) Selain itu, mempersiapkan jumlah sukarelawan yang mencukupi bagi memudahkan pengurusan serta pelaksanaan program. Untuk memastikan kelancaran komunikasi dan pengurusan maklumat semasa kelangsungan program, adalah penting untuk menubuhkan Biro Program dan Protokol yang bertanggungjawab secara khusus dalam penyampaian maklumat kepada peserta. Menambahkan bilangan biro teknikal bagi memastikan program lebih lancar serta dapat meminimalkan kemungkinan masalah yang berlaku pada hari kejadian. (Bukti 6.4.3.4)

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB04_OC03_20241_APB_AKNC2023_K6_6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB04_OC03_20242_APB_AKNC2023_K6_6.4.3.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB04_OC03_20243_APB_AKNC2023_K6_6.4.3.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB04_OC03_20244_APB_AKNC2023_K6_6.4.3.4.pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

APB memastikan pembentukan pelajar tidak hanya mencakup aspek akademik, tetapi juga meliputi **pengembangan holistik** dalam berbagai dimensi kehidupan, termasuk bidang kepemimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan, dan kesedaran terhadap isu-isu global serta kelestarian alam.

Modern Language Olympiad (MLO 2.0) dianjurkan untuk mengasah **kualiti kepemimpinan dan kemahiran berkomunikasi** dalam kalangan pelajar UiTM melalui pertandingan kebahasaan yang bertujuan menggalakkan komunikasi berkeyakinan dan berkesan di peringkat global. Program ini juga mewujudkan **jalinan hubungan pelajar UiTM dengan institusi dalam dan luar negara**, menyediakan platform untuk pertukaran maklumat dan bahasa antara pelajar UiTM serta peserta dari seluruh dunia, serta mengasah kemahiran berbahasa pelajar melalui pertandingan bahasa yang pelbagai pada peringkat global.

Program “Bengkel Pemimpin Siswa Apb : Peneraju Masa Hadapan” telah meningkatkan **kemahiran pengurusan** dan pemahaman format penulisan di kalangan ahli jawatankuasa baharu, membolehkan mereka menguruskan organisasi dengan lebih efektif. Selain itu, kursus ini memupuk **disiplin dan kemahiran kepimpinan**, yang membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan. (Bukti 6.5.1)

Program WIRASA 2023 merupakan satu-satunya platform yang penting dalam kalangan mahasiswa UiTM untuk **meneroka dan memperkukuhkan bakat dalam seni dan kebudayaan**. Melalui pertandingan ini, mahasiswa dapat mengasah kemahiran seni, memupuk semangat kebangsaan, dan menggalakkan kepelbagaian budaya di kalangan pelajar, yang pada gilirannya membantu melahirkan individu yang lebih berdaya saing dan berbudaya. (Bukti 6.5.2)

Program “Youth Empowerment Series (Y.E.S) 2.0” menggalakkan **pembangunan yang holistik dalam kalangan pelajar APB**, UiTM Shah Alam secara khususnya di samping membantu mereka mengasah kemahiran mereka yang tersendiri. Pelbagai sesi forum telah diadakan sepanjang siri ini berlangsung. Elemen-elemen seperti **kesihatan, akademik dan kemahiran hidup** dibincangkan bersama pakar atau individu terkemuka yang relevan. (Bukti 6.5.3)

Program kesukarelawanan seperti “Creativity Self-Care” memberi pengalaman berharga kepada sukarelawan, iaitu pelajar APB dalam melakukan **khidmat masyarakat** dan menunjukkan betapa pentingnya **kerjasama dengan pihak swasta untuk kejayaan inisiatif kebajikan masyarakat** “Creativity Self-Care” adalah program mengecat mural di Ronald McDonald House Hospital Tunku Azizah dengan kerjasama penaja dari Nippon Paint, Art Trivium, dan GESTURZ telah memberi impak yang signifikan kepada komuniti. (Bukti 6.5.4)

Antara usaha yang dilakukan untuk **memperkuh kebolehpasaran graduan** kursus Bahasa Inggeris APB, UiTM, program “Masterful Minds: A Career In Copywriting 2023” dianjurkan dengan berjaya. Program ini tidak hanya mendedahkan pelajar kepada prospek kerjaya yang luas dalam bidang copywriting, tetapi juga membangunkan kesedaran terhadap kepentingan kursus di kalangan masyarakat umum. Selain itu, program ini turut mengukuhkan hubungan antara mahasiswa dari pelbagai latar belakang serta **menyediakan peluang untuk berinteraksi dengan industri terlibat**. Melalui inisiatif ini, para peserta dapat menjadi **agen perubahan yang berkaliber dalam masyarakat**, mengejar keunggulan akademik, dan membangunkan komuniti dengan kesan yang positif. (Bukti 6.5.5)

FESTIVAL ALTRUISME APB 3.0 memberi peluang kepada para sukarelawan untuk **berinteraksi dengan kanak-kanak OKU** dan memberi pendedahan kepada peserta tentang badan-badan organisasi yang ada di Malaysia khusus untuk kanak-kanak OKU. Kami juga menyertai aktiviti sukarelawan untuk membantu mengendalikan festival tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB05_20241_APB_AKNC2023_K6_6.5.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB05_20242_APB_AKNC2023_K6_6.5.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB05_20243_APB_AKNC2023_K6_6.5.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB05_20244_APB_AKNC2023_K6_6.5.4.pdf](#)
5. [F0048_O01_OB05_20245_APB_AKNC2023_K6_6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3 (HASIL OPERASI)

- 1. Hasil Program Kesukarelawanan**
- 2. Hasil Program Komuniti**

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama bagi hasil operasi bagi pengurusan dan pembangunan pelajar memfokuskan kepada tanggungjawab sosial dan komuniti. Dua pencapaian utama yang diketengahkan adalah hasil program kesukarelawanan dan hasil program komuniti. Hal ini sejajar dengan aspirasi **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** yang ingin memperkasakan bakat dan kemahiran mahasiswa dalam menangani isu serta masalah komuniti setempat berdasarkan pelaksanaan **Program Semarak Siswi Madani**. Pencapaian-pencapaian yang cemerlang dalam program kesukarelawanan ini membuktikan hala tuju yang mapan kepimpinan APB UiTM Shah Alam dalam memperkasakan pengurusan dan pembangunan pelajar.

Pencapaian **hasil kesukarelawanan** pula direalisasikan melalui pelaksanaan daya usaha **#APB-SISWA BAKTI** yang menggalakkan mahasiswa terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Matlamat utamanya adalah untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai sikap kesukarelawanan dan empati yang tinggi. Daya usaha **#APB-SISWA BAKTI** juga dilihat dapat membantu dalam memperkukuhkan hubungan antara institusi pendidikan dengan komuniti. Aktiviti kesukarelawanan yang dijalankan juga melibatkan industri, masyarakat dan komuniti di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Hasil program komuniti dirangka menggunakan slogan **#APB-SISWA LOKALITI** yang memfokuskan kepada penglibatan pelajar dalam program-program yang memberi manfaat kepada komuniti setempat. Ini bertepatan dengan fungsi universiti yang bukan hanya menjadi tempat menuntut ilmu, malah menjadi cabang-cabang yang menyumbang kepada komuniti dari keberhasilan pelajar dalam sesebuah institusi pengajian. Peranan pelajar dalam komuniti dapat dipupuk dengan adanya program-program libatsama pelajar dan komuniti kerana ianya memberi impak yang penting pada sahsiah, jati diri dan semangat kemasyarakatan dalam diri pelajar. Terbukti dengan penglibatan dalam aktiviti komuniti, pelajar dilatih untuk mengasah pemikiran secara kritis dan matang serta mandiri dalam menghadapi pelbagai halangan dan rintangan.

Pencapaian-pencapaian hasil utama bagi hasil operasi yang memfokuskan kepada tanggungjawab sosial dan komuniti berjaya dilaksanakan dengan cemerlang dan efektif. Hal ini membuktikan proses operasi yang sistematik menjadi pendorong utama dalam kecermelangan APB UiTM Shah Alam bagi program kesukarelawan dan komuniti baik di peringkat fakulti sehingga ke peringkat antarabangsa. Semua pencapaian dalam bidang ini melepasi sasaran awal yang telah ditetapkan sekaligus mencapai KPI Universiti yang telah ditetapkan antaranya **PI027**, **PI028** dan **PI038**.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0048_HB02_20241_Penulisan Hasil Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0048_HB03_20242_penulisan hasil_tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0048_HB04_20243_penulisan hasil_perbandingan.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0048_HB05_20244_Penulisan Hasil_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

KRITERIA 7 HASIL :

1. Hasil pencapaian akademik
2. Hasil Program Peningkatan Kemahiran Pelajar:
 - a. Program Pengantarabangsaan Pelajar
 - b. Program Kepimpinan Pelajar
 - c. Program Kemahiran Insaniah

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Untuk mendepani cabaran globalisasi era ini, UiTM melalui Pelan Strategik : UiTM 2025 yang membawa tema ***Globally Renowned, Locally Rooted*** sentiasa komited dalam melakukan transformasi untuk mencapai objektif RMK-12. Tumpuan diberikan pada teras Pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berpandukan nilai. Antara langkah untuk mencapai pelan strategik pada peringkat APB pula, fokus diberikan kepada peningkatan akademik dan kemahiran pelajar.

Sebagai komitmen berterusan untuk menjayakan **Pelan Pembangunan Strategik**, pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh Akademi Pengajian Bahasa untuk memastikan keberhasilan pelajar dapat ditingkatkan. **Pencapaian Anugerah Pengurusan Akademik Kokurikulum Cemerlang** (kategori fakulti) sempena Meeting of student's affairs administrators (MoSAA, 2023) membuktikan kesungguhan bahagian hal-ehwal pelajar APB dalam merangka aktiviti-aktiviti pelajar dengan efektif.

Melalui pelaksanaan strategik yang sistematik, APB telah mencatatkan **peningkatan** dalam pencapaian akademik pelajar. peratusan GOT adalah 90% ke atas bagi tiga tahun terakhir (2021-2023). Seiring program-program pemantapan akademik yang telah dijalankan di APB seperti bengkel penulisan membantu pelajar untuk lebih bersedia dari segi akademik.

Selain daripada itu, program pengantarabangsaan di bawah inisiatif **#apbsiswaglobali** juga diketengahkan melalui perlaksanaan pertandingan peringkat antarabangsa seperti Moden Language Olympiad (MLO) dan The 2023 Asian English Olympics (AEO). Selain daripada itu, program Eksplorasi Yogyakarta : Sudara 2023 membantu pelajar untuk mengembangkan perspektif global dan memahami kepelbagaian budaya yang merupakan antara aset pening dalam kerjaya mereka kelak.

Program kepimpinan melalui inisiatif **#apbsiswadiwara** diperkenalkan bertujuan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan pelajar. Melalui pelbagai aktiviti dan latihan seperti Bengkel Pemimpin Siswa : Peneraju pelajar diajar untuk menjadi pemimpin yang berwibawa dan bertanggungjawab. Ini termasuk latihan dalam pengurusan projek, komunikasi efektif, dan penyelesaian masalah. Hasilnya, pelajar bukan sahaja lebih yakin untuk mengambil peranan kepimpinan dalam organisasi, tetapi juga lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di tempat kerja. Selain daripada itu, inisiatif **#apbbakatsiswa** dan **#apbsiswae-sukan** juga memfokuskan kemahiran insaniah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pelajar dalam Kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan melalui pelbagai program yang dirangka khusus.

Secara keseluruhan, pelaksanaan strategi di APB UiTM telah memberikan **impak positif** terhadap pencapaian akademik dan kemahiran pelajar. Melalui program pengantarabangsaan, kepimpinan, dan kemahiran insaniah, pelajar bukan sahaja dipersiapkan untuk menghadapi cabaran akademik tetapi juga untuk menjadi graduan yang siap untuk menyumbang kepada

masyarakat dan industri. Dengan komitmen berterusan terhadap peningkatan kualiti pendidikan, APB UiTM bertekad untuk melahirkan generasi pelajar yang cemerlang dan berdaya saing di peringkat global.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0048_HB02_20241_Kriteria 7 Level.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0048_HB03_20242_Kriteria 7 Trend.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI :

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0048_HB05_20244_Kriteria 7 - Kepentingan 1.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

7.2 KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR (HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA)

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

APB telah menguruskan program yang **efektif dan efisien** bagi memenuhi di mana memfokuskan pendekatan kerah **keberhasilan pembangunan pelajar**. Antara program **#APB-SISWA SUKMA** adalah **Youth Empowerment Series (Y.E.S) 2.0** dan **UNGA: United Nations General Assembly**. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan yang holistik dalam kalangan mahasiswa Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam secara khususnya di samping membantu mereka mengasah kemahiran mereka yang tersendiri. Pelbagai sesi forum telah diadakan sepanjang siri ini berlangsung. Elemen-elemen seperti kesihatan, akademik dan kemahiran hidup akan dibincangkan bersama pakar atau individu terkemuka yang relevan. Ianya adalah salah satu program yang **menentukan pengoperasian hasil pembangunan pelajar**.

Manakala **#APB-SISWA WIJAYA** pula adalah program yang lebih menumpukan kepada **hasil kerjaya pelajar** yang memberikan pendedahan awal pelajar terhadap latihan industri, dunia kerjaya dan kerjaya. Antaranya adalah **Masterful Minds: A Career in Copywriting 2023**. Program ini merupakan sebuah program kepimpinan, ilmiah dan **pembangunan kemahiran insaniah** peringkat fakulti yang dikendalikan oleh **English Cultural Society (ECLIPSE)**. Program ini memfokuskan terhadap perkongsian prospek kerjaya sebagai graduan kursus bahasa Inggeris bersama pakar industri serta membina sebuah hubungan rangkaian antara mahasiswa yang berada di bawah naungan Akademi Pengajian Bahasa. Kerjaya copy writing adalah sangat popular dan mempunyai permintaan yang tinggi pada masa kini. Program ini Berjaya **mencapai sasaran** penonton **seramai 50 orang** dan melibatkan pihak industry dan juga alumni. Pengurusan dan **keberkesanan** operasi APB yang mantap telah membuahkan hasil yang membanggakan.

Pengfokusan terhadap **hasil inovasi dan keusahawanan** pelajar pula, APB telah pun melancarkan **#APB- SISWA BIZ**, dan salah satu program yang dianjurkan adalah **Sell That Thing 2.0: Innovative Pitching**. Ini adalah program kolaborasi Bersama pihak HEP fakulti bersama alumni dan industri. Forum ini berjaya meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam ilmu pemasaran, khususnya dalam aspek 'sales pitching'. Peserta forum memperoleh pengetahuan tentang teknik-teknik menyampaikan 'sales pitch' yang berkesan dan strategi menarik perhatian pelanggan. Program ini pula menyumbang kepada **Hasil Program Inovasi Dan Keusahawanan Pelajar**.

#Gerobok rezeki dan **#Tabung Kebajikan Pelajar** dilancarkan adalah merupakan inisiatif dari pihak HEP dan juga HEP faculty APB bagi tumpuan kepada sumbangan dan Kebajikan pelajar.

Ianya telah memberikan **impak** yang **signifikan** kepada komuniti mahasiswa Akademi

Pengajian Bahasa (APB), khususnya mereka yang menghadapi **kesukaran kewangan**. Melalui **penyediaan bantuan keperluan asas** seperti makanan, program ini tidak hanya

meringankan beban kewangan mahasiswa, tetapi juga memberi sokongan emosional dan social kepada mereka dalam menghadapi cabaran pembelajaran hibrid. Program ini adalah khusus memberi khidmat dan sumbangan kepada pelajar yang memerlukan dari segi makanan dan kesejahteraan. Semua program yang dianjurkan dan melibatkan pelajar APB adalah antara hasil **tumpuan sumber Manusia yang** telah dicapai PI nya dalam kelas APB yang tersendiri.

Program yang dianjurkan telah berlangsung **secara aktif, penglibatan semua peringkat APB** dan amat memberangsangkan. Paling utama sekali adalah tahap pencapaian aktiviti yang telah dijalankan adalah melebihi sasaran. Ini adalah disebabkan komitmen yang tinggi di kalangan para pelajar dan barisan pengurusan APB yang sangat komited dan proaktif.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0048_HB02_20241_APB_7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0048_HB03_20242_APB_7.3.3 TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0048_HB04_20243_APB_7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0048_HB05_20244_APB_7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)